



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6337]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 63 [Ruangan 6341]

Kepala B. 64 [Ruangan 6367]

Rang Undang-undang Stem (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 6387]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 6388]

Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah [Ruangan 6390]

Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukur (Pindaan) [Ruangan 6398]

Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) [Ruangan 6400]

Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) [Ruangan 6402]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1974:

Jawatankuasa—

Kepala P. 63 [Ruangan 6341]

Kepala P. 64 [Ruangan 6367]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6340]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Jumaat, 18hb Januari, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

- Yang Berhormat Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.K. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HARTA AWAM—ANGGARAN
KEROSAKAN

1. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan jumlah nilai harta awam yang telah dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab di sekitar bandaraya, perbandaran, bandar dan majlis tempatan di negara ini; dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan perbuatan jahat ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menyatakan anggaran jumlah nilai-nilai harta awam yang telah dirosakkan di sekitar penguasa-penguasa tempatan oleh kerana kebanyakan daripada penguasa-penguasa tempatan tidak menyimpan rekod-rekod seperti itu. Walau bagaimanapun, diperuntukan secara ringkasnya di sini angka-angka kerosakkan yang telah berlaku di setengah-setengah penguasa-penguasa tempatan.

(i) Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur Jan.-Oct. 1973 ...	\$79,288
(ii) Majlis Bandaran, Kampar 1962-1973	\$21,000
(iii) Kuching Municipal Council 1972 and 1973 ...	\$ 3,700
(iv) Majlis Bandaran, Seremban 1972	\$10,500
(v) Majlis Bandaran, Johor Bahru Jun-Oct. 1973 ...	\$ 2,160
(vi) Majlis Bandaraya, Pulau Pinang 1973	\$ 4,244
(vii) Majlis Bandaran, Perlis 1973	\$ 5,735

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu ialah dengan menanam semangat sivik di kalangan penduduk-penduduk melalui sebaran am, persatuan sukarela dan jawatan-

kuasa muhibbah dan menambahkan lagi tindakan polis ke atas pengkhianat-pengkhianat itu. Sistem pelajaran kebangsaan bertujuan mengujudkan warganegara yang lebih bertanggungjawab dan diharap dengan jangka masa nilai-nilai yang ditanam dalam pemikiran belia-belie Malaysia di sekolah-sekolah akan mengurangkan kerosakan harta-harta awam.

Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memainkan peranan mereka dengan mengingatkan penduduk-penduduk kawasan-kawasan pilihanraya mereka pada setiap peluang yang ada bahawa orang ramai yang akan bertanggungjawab membiayai kerosakan yang dilakukan oleh sekumpulan yang kecil itu dan melapurkan tindakan-tindakan seperti itu kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Ashad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dapat dikesan oleh Kementerian ini bahawa perbuatan seperti itu sengaja dilakukan oleh anasir anti nasional atau dikalangan budak-budak nakal?

Datuk Ong Kee Hui: Masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kebanyakan kerosakan itu dilakukan oleh budak-budak atau orang nakal.

Tuan Haji Ahmad bin Ashad: Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan itu, adakah boleh dikatakan bahawa rakyat Malaysia kita ini kurang mengamalkan ajaran sivik?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, apa yang perlu ialah kita menanamkan perasaan sivik di kalangan rakyat Malaysia.

CHEAH AH KOW—HUKUMAN
PENJARA

2. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- berapa lamakah Cheah Ah Kow (T940-69H) akan ditahan di penjara Taiping; dan
- di bawah undang-undang apakah beliau ditahan dan mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- Cheah Ah Kow sekarang ini menjalani hukuman penjara seumur hidup.

(b) Beliau telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada 28hb November, 1965 dan hukuman ini telah disahkan oleh Privy Council kerana telah melakukan:

(i) Kesalahan di bawah Seksyen 57 (1) (a) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 kerana memiliki sebatang senjata api tanpa kebenaran.

(ii) Kesalahan di bawah Seksyen 58 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 kerana bersubahat dengan musuh negara yang bersenjata. Jadi Mahkamah telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Tetapi dalam bulan Julai 1966, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas nasihat Jumaah Pengampunan Negeri Johor telah meringankan hukuman terhadap banduan itu kepada hukuman penjara seumur hidup.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya tidak begitu faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah meringankan hukuman terhadap Cheah Ah Kow iaitu sudah diberi keluar dari penjara, betulkah atau tidak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sesudah beliau ini dihukum gantung oleh Mahkamah dan appeal ke Privy Council, keputusannya telah dihukum gantung juga. Maka Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada bulan Julai, 1966 di atas nasihat Jemaah Pengampunan Negeri Johor telah meringankan-meringankan hukuman terhadap banduan itu daripada hukuman gantung sampai mati itu kepada penjara seumur hidup.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya sudah mengerti sekarang. Soalan saya sekarang ada seorang lagi bernama Abdul Rahman Zakaria, warganegara Indonesia telah dihukum gantung, tetapi dapat pengampunan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dan ia sudah dibebaskan, tetapi apa sebabnya Cheah Ah Kow tidak dibebaskan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya harap Ahli Yang Berhormat mengetahui apa yang dikatakan oleh Per-

lembagaan negara kita dan apakah dia perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan Kehakiman. Soal ampun-mengampun ini adalah hak milik Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri masing-masing, maka harapkan lain kali janganlah ditujukan soalan ini ke Dewan ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Di Penjara Seremban sekarang ada seorang tahanan juga bernama Sim Kiam Kue, dia sudah diampunkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, tetapi belum dibebaskan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilakah dia boleh dibebaskan, sebab pengampunan sudah diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dan Anggaran Pembangunan, 1974, Rang Undang-undang Stem (Pindaan) (No. 2), Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3), Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan), Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukur (Pindaan), Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) diluluskan.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dan Anggaran Pembangunan, 1974, Rang Undang-undang Stem (Pindaan) (No. 2), Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 3), Rang Undang-undang Cukai Spekulasi

Tanah (Pindaan), Rang Undang-undang Pendaftaran Jurukur (Pindaan), Rang Undang-undang Akitek (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

DAN

USUL-USUL

ANGGARANG PEMBANGUNAN, 1974

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (17hb Januari, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Perbahasan disambung semula.

2.45 ptg.

JADUAL

Kepala B. 63 dan P. 63—

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, menyambung ucapan saya semalam saya tahu sebab ada banyak bukti-bukti bahawa kerja-kerja kontrekter yang mempunyai harga atau tender yang paling rendah itu tidak begitu memuaskan. Oleh itu, saya minta kepada Kerajaan supaya polisi mengambil tender yang paling rendah itu ditukarkan berkenaan semua tender-tender. Tuan Pengerusi, negara kita sekarang menghadapi kekurangan Jurutera-jurutera dan akitik-akitik khususnya dalam Jabatan JKR disebabkan gaji-gaji mereka itu tidak memuaskan. Gaji-gaji jurutera-jurutera atau akitik-akitik itu sepatutnya dibayar lebih tinggi dan diberi peluang supaya menarik ramai murid-murid kita menjadi jurutera dan akitik. Oleh hal yang demikian, saya berharap Kementerian ini akan ambil perhatian atas perkara tersebut.

Saya adalah menyokong peruntukan Kementerian ini.

2.47 ptg.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan bagi Kementerian Kerja Raya dan Tenaga dan saya suka merujuk kepada muka 464, 466, 467, 468, 471 dan juga 474. Pertama sekali saya suka lah menyentuh kepada jalan raya. Di sini kita dapati peruntukan telah diberi untuk membaiki jalan yang dinamakan "Route One" daripada Pulau Pinang hingga ke Singapura. Saya rasa peruntukan seperti ini sepatutnya dibuat satu jalan iaitu 'alternative road' daripada Kuala Lumpur hingga Pulau Pinang, kerana pada masa ini kalau kita perhatikan kalau jalan putus ataupun jambatan runtuh antara Tanjung Malim dan Kuala Kubu Bahru bagaimanakah kenderaan-kenderaan yang hendak pergi ke Pulau Pinang. Jadi, kalau ada 'alternative road' daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, maka lalu-lintas akan senang berjalan antara satu bandar ke satu bandar. Di sini saya mengesyorkan supaya dapat Kerajaan membuat rancangan supaya jangan lagi dibaiki jalan yang ada, tetapi mesti diperbanyakkan lagi jalan-jalan di Malaysia ini. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telahpun bercadang hendak mengadakan satu jalan lagi daripada Kuala Lumpur ke Seremban. Ini satu langkah yang sangat baik.

Yang keduanya, saya suka menarik perhatian bekalan air iaitu di muka 466, 467 dan 468. Di sini kita dapati kebanyakan bekalan air ini tidak viable tidak mendatangkan pendapatan yang begitu banyak, kecuali daripada bandar-bandar yang besar. Di sini kita dapati banyak air terbuang sahaja iaitu pihak public mestilah memberi sokongan, memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan di mana terjumpa saluran paip yang pecah dan sebagainya. Apa yang sangat penting di sini ialah Kerajaan berikhtiar untuk mendapatkan hasil yang begitu baik, tetapi malangnya pembaca meter air tidak sebegitu jujur kepada Kerajaan, masih didapati mereka itu tidak membaca meter dengan sebenarnya, terutama sekali bagi bangunan yang besar di mana mereka telah menggunakan air yang begitu banyak tetapi pengguna-pengguna telah dikenakan dengan bill yang sangat kurang. Saya berharap Kementerian mengambil perhatian atas perkara ini. Saya percaya Yang Berhormat

Menteri sedar atas perkara ini. Jadi kalaulah pembaca-pembaca meter ini tidak begitu jujur tentulah apa yang dibuat oleh Kerajaan berkenaan dengan bekalan air ini tidak mendatangkan hasil yang begitu lumayan.

Yang ketiga, saya suka menyentuh kepada bangunan pejabat-pejabat Kerajaan. Memandangkan kenaikan harga pada masa ini terutama sekali besi dan susah hendak mendapat simin dan alat-alat serta bahan-bahan yang lain, maka rasa saya Kerajaan patut berhentikan dahulu membuat bangunan yang istimewa (prestige building). Buat sahaja bangunan yang mustahak seperti hospital, sekolah dan bangunan-bangunan yang lain. Di sini saya suka menyeru kepada Menteri supaya disemak balik syarat-syarat kontrak disebabkan kenaikan harga barang. Apa yang telah didapati baharu-baharu ini iaitu lebih kurang enam tujuh bulan ini banyak pemborong-pemborong yang telah bengkrap. Kerajaan kita berazam untuk menolong bumiputra. Banyak bumiputra yang telah diberi kerja oleh Kerajaan, tetapi apa yang Kerajaan lupa hendak menolong bumiputra ini ialah untuk mengira bagaimana caranya mereka-mereka ini boleh berdiri atau membina bangunan ini dengan mendapat keuntungan. Kerja mereka telah terbengkalai, tidak dapat meneruskan bangunan itu kerana harga telah melompat naik dengan tinggi. Mengikut syarat kontrak rayuan mereka tidak dilayan jika harga barang-barang itu naik. Harga barang ini naik bukan kesalahan mereka itu, tetapi oleh sebab shortage of material di seluruh dunia. Tetapi dengan keadaan ini, rasa saya patut diberi pertimbangan. Berilah mereka itu merayu dan negotiate dengan mereka itu bagaimana caranya yang patut harga-harga kontrak itu dinaikkan sedikit kepada pemborong-pemborong ini.

Yang keempat, saya suka menyentuh atas perumahan bagi pegawai-pegawai Kerajaan. Lebih kurang setahun dua dahulu ada berita angin yang sangat kuat yang mengatakan apabila Kuala Lumpur menjadikan Wilayah Persekutuan, maka bangunan-bangunan iaitu rumah-rumah Kerajaan serta tanahnya akan dijual kepada Pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau beginilah minat Kerajaan hendak menjual tanah yang sebegitu elok, cantik, mahal dan bagus serta istimewa kedudukannya dalam bandar Kuala Lumpur ini, saya rasa tentulah langkah ini tidak begitu molek. Oleh kerana kalau Kerajaan menjual kepada

pegawainya tentulah dengan harga dengan sebegitu murah. Apabila pegawai ini dapat tanah maka dijualnya dengan semudah-mudahnya kepada orang yang berduit dengan harga yang mahal. Jadi samada berita ini betul atau tidak, saya telah dengar iaitu Kerajaan telahpun berpura-pura hendak menjual harta Kerajaan yang ada di seluruh bandar Kuala Lumpur ini. Kita pastikan sahaja dan kita tengok bagaimana cara kedudukan rumah-rumah Kerajaan yang ada di bandar Kuala Lumpur ini yang kebanyakannya ialah berhampiran dengan bandar antara satu atau dua batu dan setengahnya itu boleh dikatakan setengah batu sahaja daripada pusat bandar Kuala Lumpur ini. Cuba kita tengok tanah-tanah yang telah diberi oleh Kerajaan di Jalan Duta kepada Pegawai-pegawai Kerajaan. Pegawai-pegawai ini telah menjualkan tanah itu dengan mahal, walhal mereka itu membeli tanah itu dengan harga yang murah sahaja. Rasa saya, kalau begini caranya kelak Kerajaan menjual tanah ini, apa hendak jadi kepada tanah Kerajaan. Jika sekiranya Kerajaan hendak membina nanti satu bangunan untuk pejabat, hospital dan sebagainya terpaksa pula Kerajaan membeli tanah ini daripada yang empunya yang dahulunya di punyai oleh Kerajaan. Saya berharap kalau dapat, Kementerian yang berkenaan supaya ambil perhatian berhati-hati sedikit supaya tindakan ini jangan diteruskan. Saya sebagai Wakil Rakyat, suka menyebut di sini bahawa saya menentang dengan keras, kalau ini minat Kerajaan hendak menjual tanah kepada pegawai-pegawai.

Selain daripada itu, saya hendak mengingatkan sekali lagi kerana harga barang-barang meningkat dari se hari ke sehari, harga besi telah meningkat 200% dan pada masa ini banyak bangunan-bangunan yang terbengkalai yang tidak dapat dijalankan dengan sebegitu baik. Saya berharap Kementerian Kerjaraya dan Tenaga mengambil perhatian terutama sekali untuk membantu pemborong bumiputra supaya mereka ini dapat menjalankan pekerjaan yang sebegitu baik dan mendapat untung sedikit. Tak banyak pun tidak apa, dapat untung sedikit pun jadilah sekurang-kurangnya dapat modal mereka itu balik.

2.55 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, bercakap mengenai dengan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, yang

pertama sekali saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang telah menyelesaikan masalah yang selama 14 tahun dihadapi oleh penduduk di kawasan Besut iaitu mengenai dengan jambatan Jertih yang setiap tahun apakala tiba musim tengkujuh maka putuslah hubungan antara Kelantan dengan Trengganu dan juga antara Kelantan dengan Ibu Kota di Kuala Lumpur.

Saya dapat faham bahawa tender untuk jambatan ini sudahpun dikeluarkan cuma sekarang ini menunggu perlaksanaannya. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan pembinaan jambatan ini pada tahun 1974, supaya apa yang berlaku di dalam bulan sebelas dan duabelas tahun yang lepas merupakan peristiwa yang terakhir bagi kawasan itu, supaya pada masa akan datang kita tidak akan dengar lagi bahawa kalau hujan dua atau tiga jam putus hubungan antara Kelantan dengan Trengganu.

Perkara yang kedua, saya masih ingat di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ke negeri Trengganu dua tahun berturut-turut di dalam Majlis Taklimat yang telah diadakan diperingkat Negeri, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah berjanji bahawa serentak dengan pembinaan Jambatan Jertih akan dibina satu jambatan di Kuala Besut. Saya tidak faham apakala saya menghalusi dalam buku keterangan ini tidak ada kenyataan-kenyataan mengenai dengan jambatan ini. Saya amat terharu kepada kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri dapat diperlewatkan oleh Kementerian ini.

Yang ketiga, mengenai bayaran letrik, bagi Negeri-negeri di Pantai Timur. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang di dalam seminggu baharu-baharu ini telah membuat pengumuman bahawa Negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang akan mendapat nikmat daripada perubahan yang akan berjalan mulai tahun ini iaitu harga bayaran yang sama dengan negeri-negeri di pantai barat, tidaklah seperti di masa yang sudah harga bayaran bagi penduduk di pantai timur terpaksa membayar lebih tinggi dan itulah menyebabkan ahli-ahli perniagaan tidak mahu membuat kilang-kilang di Pantai Timur, di sebabkan bayaran letriknnya terlampau mahal. Saya berharap kepada pihak swasta dengan adanya per-

ubahan yang baharu ini akan berlumba dan berkejar ke pantai timur bagi menolong rakyat di sebelah sana. Mengenai dengan projek-projek letrik bagi luar bandar, walaupun kerap kali ditekankan dalam Dewan ini bahawa perlaksanaannya amat lambat sekali. Saya dapati bahawa apa yang disebutkan di dalam Dewan ini tidak memberi apa kesan jua kepada cara atau sikap Lembaga Letrik Negara ini di dalam melaksanakan projeknya. Kerana saya buat bandingan kepada kawasan saya sendiri, ada tiga projek yang telah dijanjikan bagi tahun 1973. Saya telah menghubungkan dengan talipon semalam kepada pihak yang berkenaan di Besut dan didapati tiang pun belum ada lagi bagi projek tahun 1973. Tebang pokok pun belum, tiang belum ada. Jadi saya tidak tahu bilakah bekalan api yang dikatakan bagi tahun 1973 ini dapat dilaksanakan kerja tahun 1973 sudahpun habis hendak tiba pula projek bagi tahun 1974. Saya tidak faham kalau sesuatu benda seperti ini setahun lamanya dilewatkan.

Selain daripada itu, berkenaan dengan bekalan air bagi Trengganu. Mengikut buku Belanjawan ini, Rancangan Malaysia Kedua untuk bekalan air bagi negeri Trengganu disediakan sebanyak \$15,700,000 kemudian dikaji balik dalam tahun 1972 dianggarkan sebanyak \$4 juta, tetapi saya dapat di dalam tahun ini nampaknya ditulis sebanyak \$10 sahaja sebagai Token Vote. Saya tidak tahu bagaimanakah pula kajian yang akhir mengenai dengan rancangan ini, sedangkan bagi daerah Dungun dan daerah Besut yang meliputi Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut, rakyat yang sekarang ini sangat-sangat berharap kepada bekalan air, dan amatlah tidak menasabah dalam sebuah negeri seperti Trengganu bekalan air sudah begitu lama dibiarkan, rakyat hanya, berharap kepada perigi yang tinggal di kawasan-kawasan dalam bandar, apatah lagi bagi mereka yang tinggal di luarbandar jauh sekali untuk mendapatkan bekalan air. Sesungguhnya Rancangan Malaysia Kedua amatlah hampir kepada penghujungnya, jadi saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya membuat kajian apakah bekalan air bagi negeri Trengganu ini hendak ditinggalkan dengan tidak ada seperti sekarang ini.

Perkara yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, yang saya ingin menyentuh ialah kedudukan buruh-buruh dalam Jabatan Kerja Raya. Kita semua ketahui bahawa buruh-buruh dalam Jabatan Kerja Raya ini tidak payah

kita bercakap panjang, Tuan Pengerusi, kita rasa senyum kalau kita melihat mereka bekerja ketika melalui jalanraya, samada rajin atau tidak rajinnya kita semua sudah tahu, sebab itulah setengah-setengah mengatakan Jabatan Kerja Raya ini, jangan kerja rajin ataupun lain-lain lagi. Apa yang saya maksudkan di sini, Tuan Pengerusi, oleh kerana kita sekarang ini hendak mengembangkan pihak swasta mengambil bahagian bersama dengan Kerajaan dan hendak menggalakkan Bumiputra mengambil bahagian bersama di dalam Rancangan Pembangunan, apa salahnya kalau Kementerian ini membuat kajian untuk mengurangkan bilangan buruh-buruh dalam Jabatan Kerja Raya sebagai satu cara menjimatkan wang, dan segala kerja-kerja yang selama ini dibuat oleh Jabatan Kerja Raya hendaklah diberi kepada pemborong atau contractor. Kerana saya dapati kerja-kerja yang dibuat oleh contractor lebih cepat, lebih terjamin daripada apa yang dibuat oleh buruh-buruh dalam Jabatan Kerja Raya. Buruh-buruh dalam Jabatan Kerja Raya bukan sahaja lambat membuat kerjanya kerana mereka bekerja kepada overtime, tetapi bukan bekerja kerana hendak menyiapkan kerja itu, maka sebab itulah didapati bangunan-bangunan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya sendiri lekas rusak daripada apa yang dibuat oleh pihak pemborong-pemborong.

Tahun dahulu saya sudah menyebutkan masalah bangunan-bangunan yang di bawah jagaan Jabatan Kerja Raya, sekarang ini saya terpaksa sekali lagi menyebutkan bahawa salah satu daripada perkara besar ataupun bangunan yang menjadi kunjungan pelawat-pelawat seperti Bangunan Parlimen kita ini dan juga bangunan Masjid Negara. Saya tidak tahu samada Yang Berhormat Menteri pernah datang ke Parlimen ini pada waktu musim hujan ataupun ke Masjid Negara pada musim hujan melihat sendiri bocor atau tidak kedua-dua bangunan yang begini besar. Jadi, kalau bangunan yang pernah di lawati oleh pelawat-pelawat daripada luar negeri boleh dibiarkan dengan keadaan begitu bocor, kalau tidak dapat di cari jalan bagaimana hendak membaikinya, maka sudah tentu image Jabatan ini akan di pandang rendah oleh pelawat-pelawat dari luar negeri.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian di atas apa yang telah saya katakan ini.

3.04 ptg.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, there has been a widespread complaint of the inability on the part of the Government to obtain engineers for the many projects it has now ventured into.

Mr Chairman, Sir, it is not a question that the Government cannot recruit engineers but the engineers whom the Government want to recruit normally are placed on such conditions of service that their promotions are decided not on merits but on other considerations. Quite a number of engineers have left their service in the J.K.R. and other places because of frustrations, being disillusioned and unable to obtain due promotions since promotions are not based on a man's capabilities.

Many of the qualified engineers in this country after working in the Government for some time have opted into the private sector where they are assured of better status, better income and also better grading.

Mr Chairman, Sir, these are jobs of a professional nature and if the Government thinks of recruiting engineers in the same way they are recruiting typists and clerks in the Government service, I am sure you will not be able to recruit the right type of engineers and the right type of qualified professional people.

Sir, of course in the J.K.R. the recruitment of typists is no more based on the quality, it is the quantity where hundreds of them are recruited at one stage and some of them can't even handle a typewriter. But in the case of engineers, if you are going to try that experiment, I am sure you are going to fail. I am sure teams have been sent out to interview and recruit engineers from abroad.

Sir, while there is an acute shortage of engineers, why can't the Government consider recognising the engineering degrees obtained from the Taiwan University and also from the Indian Universities. If necessary a certain form of local examination can be arranged so that an engineer qualified from these colleges could also go through another form of examination. This may ease, to a certain extent, the shortage of engineers.

Secondly, Sir, the most important factor is that we must be able to accord status and promotions based purely on merits. If this can

be the criterion, I am sure many engineers will not want to leave the Government service and they would like to continue in the Government service.

Thirdly, Sir, we find that most of the Government buildings either crack or leak after some time. The classic example is our Parliament House. Certain parts of this beautiful building leaks when it rains. The same applies to our International Airport. I would say that it leaks in most of the places and this is because the contractors are very clever indeed in this country. They can always get over this type of things. Certificate of Fitness is granted sometimes by certain form of understanding between the contractors and certain authorities. This is the very reason why careful attention is not paid to the quality of the building before a Certificate of Fitness is given, to see whether the developers or the persons who have contracted to build the building have fulfilled all the requirements which the Building By-Laws may require.

Mr Chairman, Sir the Government should adopt appropriate measures to tighten and control this and a certain amount of strictness should be applied on contractors and at the same time check on professional officers of the J.K.R. so that they do not abuse their powers and privileges. If such form of abuse is allowed, I am sure you are not going to have the quality of the buildings and they will leak as our Parliament House is now leaking.

Mr Chairman, Sir, there has been much talk in this House about the electrification of the rural areas. One of the assurances by the Government in the past was that electricity must be available to the house of every citizen in this country. I do not think we have even achieved 40% of what we have said, because of the fact that there is no planning as far as the Lembaga Letrik Negara is concerned. The Lembaga Letrik Negara has been inherited from the British which, of course, had certain amount of efficiency at that time according to the needs of that time. But there has been tremendous expansion not only in dwelling houses but also in the industrial field which need power and the Lembaga Letrik Negara has not been able to plan to meet the growing needs. What we are afraid is that we should not have a situation of shortage of power, which

Singapore is facing today. We should be able to meet the situation adequately by having adequate supply of power when the demand is there. I would request the Minister to carefully examine the method of planning by the Lembaga Letrik Negara. I think an element of inefficiency is creeping into this Board. The plans need adjustment, so that the Lembaga Letrik Negara can be geared towards the right direction. Sir, for development and progress, electrification is extremely important and nobody should overlook this vital point in a country which is fast developing.

3.12 ptg.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): Tuan Pengerusi, yang pertamanya, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris dan saya suka merujuk kepada muka 462, Kepala Pembangunan 63, Pecahan-kepala 1 hingga 212.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, we notice that for 1974, a total amount of \$306,996,040 has been provided for this Ministry for development expenditure. Tuan Pengerusi, we also notice that in this year's provision in the Estimates for Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, there is a total amount of \$368,000,000. This amount, when compared with the provisions for other Ministries, is third biggest only behind to that provided for Kementerian Pelajaran and Kementerian Pertahanan. When we compare this year's provision with that of 1973, we also notice that there is a big increase for this year's expenditure, that is to say that the Government is spending more money this year for public works, which means that we are going to generate considerable amount of building activities in the public sector. However, on the other hand, the Government, as we notice, is now taking steps to tighten up and control the construction activities in the private sector by tying up the hands of the banks in their lending capacity. According to reports, Bank Negara is said to have told all the banks to increase the rate of interest for loans and at the same time to limit the level of lending to the private sector with the intention of slowing down the building industries in the private sector. Sir, in this respect, the Government can claim that this is a necessary device in order to fight inflation. This may very well be the case. However, if this situation is allowed to be carried on, before

long in the building industries of this country, when we compare the private and public sectors, a lopsided situation will arise, and I would say this will not be healthy to the country's economy. If the Minister concerned is sincere at all to control and to scale down inflation in his effort together with the Government's effort, then he should work out a better solution for the Government in considering and finding out a better method to fight inflation in the correct manner. Sir, I propose that in order to do this, he must be able to recognise that in the building industries, the public sector constitutes about 30% to 40% of the entire expenditure in the building activities. Therefore, if the Government would be able to work out something whereby this 30% or 40% expenditure could be self-contained by the Government—and for this purpose I would lay out the following suggestions—then I would say that the problem can be resolved. I suggest that the Government and the Minister concerned could very well use the money now provided in this Budget to set up building material industries like steel mills, cement factories, roof-tiles factories, brick factories or even to set up more quarries. If the Government were to take up these concrete steps to make the building industries in the public sector to be self-contained by supplying their own materials for all the public projects, then I would say this will render a tremendous improvement to the shortage situation of building materials in this country. In fact, this will not reduce the shortage of the supply of building materials available in this country but it will also ensure that the building costs in the public sector will be effectively and properly controlled, so that the projects which are now earmarked for the Government's programme could be successfully carried out. At the same time, these steps may also prove to be effective if the Government in time to come, say, next year could increase the expenditure, and I suppose this will run along the argument that year by year progressively they must increase the expenditure for all the Ministries. The above suggestion may well serve this purpose.

Tuan Pengerusi, further, I would like to take this opportunity also to urge the Minister to understand today's situation which is that if the public sector expenditure is allowed to carry on and if the private sector is to

be controlled, then I think by 1974 there will be a recession in the building industries as far as the private sector is concerned. Thus, professional men, technicians and workers who are now engaged actively in the private sector will find it difficult to manage themselves if the work in the private sector is not enough to spread around. Therefore, Sir, since the Government has in the past expressed concern that there are not enough professional men serving in the Government Departments, I propose that it would be better if the Government could programme methodically and gradually spread out some of the workloads which overflow the Government Departments to the private sector. I believe if this step is taken, then professional men like technicians and the consultants alike—who are used to keen competition in the private sector and who are experienced in the struggle for survival—will be able to render equal, or even better, service to fulfil Government projects. Finally, Sir, I sincerely hope that these submissions will give the Minister food for thought especially at this early stage of the Budget year of 1974.

3.22 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas permohonan perbelanjaan bagi Kementerian ini dalam B. 63 dan P. 63.

Bumiputra dalam Bidang Kontrek

Saya hendak bercakap berkenaan dengan participation bumiputra di dalam bidang kontrek di dalam J.K.R. Bumiputra adalah memang menanti-nanti di atas peluang-peluang mendapatkan kerja-kerja kontrek di dalam J.K.R. terutama sekali oleh kerana peluang-peluang ini pada masa dahulu tidak dapat ke tangan mereka dan pada masa dahulu juga bumiputra belum lagi banyak di dalam pemborong-pemborong ini. Oleh kerana galakan Kerajaan dengan dasar Kerajaan yang baru ini menggalakkan bumiputra masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan terutama sekali di dalam contracting, maka saya harap Kementerian ini betul-betul menjalankan kewajibannya untuk menggalakkan betul-betul bumiputra mendapat sekurang-kurangnya 30% daripada kontrek-kontrek ini diberi kepada bumiputra.

Itu sekurang-kurangnya, bumiputra berkehendakkan lebih lagi, tetapi tidak lagi bertolak ansor daripada 30% dan tiap-tiap tahun bumiputra berkehendakkan tahu berapa million kontrek-kontrek yang dikeluarkan oleh J.K.R. dan berapa million pula yang telah diluluskan atau diberi kepada bumiputra. Oleh kerana kalau misalnya dasarnya mengatakan bumiputra akan diberi 30% daripada kerja-kerja borong yang dikeluarkan oleh J.K.R. ataupun lain-lain Pejabat, tetapi tak sampai 10% sahaja yang betul-betul dikeluarkan oleh kerana di dalam Kementerian itu ada juga terdapat yang tidak suka—ada, bukan tak ada yang tidak suka menengokkan bumiputra maju, tidak suka menengok bumiputra melangkah ke dalam dunia perniagaan dan perusahaan.

Dengan sebab itu, saya harap sebagai Malaysian oleh kerana bumiputralah yang tinggal di belakang dalam segala-galanya, maka patut sekali Menteri yang bertanggungjawab menengokkan 30% daripada hak bumiputra ini diberi betul-betul kepada bumiputra. Di kawasan saya di Kuala Selangor sahaja bumiputra yang masuk di dalam pemborong, baik kecil dan besar beratus-ratus, tetapi menantikan kerja adalah susah sangat mereka dapat.

Kontrek Besar Berpakat

Seperkara lagi yang saya suka menyatakan di sini di dalam kerja-kerja ini pula ada orang-orang yang berpakat-pakat iaitu kontrek-kontrek besar ini berpakat, orang putih pun ada berpakat. Sime Darby dan lain-lainnya berpakat-pakat misalnya dalam tender-tender oleh kerana dia besar dia berpakat dan orang yang kecil ini mati sahaja. Jadi pakat-pakat ini adalah merugikan Kerajaan oleh kerana jikalau satu bangunan harganya, misalnya \$1 juta, jadi dia pakat yang lain itu semuanya harga tinggi sahaja—\$2 juta, \$3 juta yang satu orang ini nanti taruh \$1 juta dialah yang akan dapat. Saya harap perkara ini akan ditengokkan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab.

Jalan

Selain daripada itu, Kementerian ini mesti menengok jauh sedikit terutama sekali apabila membuat jalan. Di dalam masa saya bercakap dahulu saya mengatakan juga apabila dibuat jalan reserve jalan itu dibesarkan kerana baru-baru ini ada tangki air

yang besar beratus ribu ringgit harganya. Apabila hendak dibuat jalan oleh kerana reserve jalan tak ada, maka terpaksa tangki air itu iaitu Tangki Air Universiti Hospital terpaksa dipecahkan. Ini memakan belanja \$100,000 atau \$200,000. Ini adalah wang rakyat. Dengan sebab itu, rakyat menengokkan bagaimana ekonomi Kerajaan ini setahun dibuat lepas itu dipecahkan, dirobohkan. Ini adalah merugikan kepada Kerajaan kita.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Yang Berhormat itu di atas kerja-kerjanya oleh kerana banyak kerja-kerja sungguhpun ini adalah kritik-kritik saya, tetapi ada banyak kerja yang telah dijalankan oleh Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini dan saya percaya dengan adanya kerjasama diantara rakyat dan Kementerian Yang Berhormat, maka Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini akan dapat dijalankan dengan begitu pesat.

3.27 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya bercakap di bahagian P. 63 muka 465, Pecahan-kepala 24 hingga 28 dan muka 470, Pecahan-kepala 105 hingga 107—Sarawak.

Mengenai jalanraya besar di Ulu Batang Mukah sampai di Bandar Sibul yang sedang digunakan sekarang adalah satu kemajuan besar yang telah nampak bagi faedah rakyat di kawasan itu. Jalan ini boleh dikatakan sangat baik pembinaannya. Begitu juga bagi satu jambatan yang dibuat daripada besi menyeberangi Sungai Oya pun telah siap dengan begitu baik dan tegap keadaannya. Seperti diketahui dari bahagian Ulu Mukah menuju Bintulu adalah di dalam pembinaan sekarang.

Jalanraya

Saya suka mengesyorkan di sini untuk perhatian dan tindakan Kementerian ini iaitu satu simpang jalan diantara Mukah/Balingian arah menuju tepi laut sejauh lebih 20 batu supaya dibuat segera. Simpang jalan ini hendaklah dibuat melalui di kawasan satu rancangan menanam kelapa sawit yang sedang diatur sekarang. Dengan adanya jalan ini, maka segala kemudahan di kawasan rancangan kelapa sawit yang dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dapat berjalan lebih baik lagi di samping faedah rakyat rumah panjang di ulu Sungai Sikat,

Sungai Kenyana, Sungai Lemai dan Sungai Bawan di daerah Mukah dan Balingian. Jalan ini juga boleh membuka lebih banyak tanah untuk bercucuk tanam serta memberi faedah yang boleh mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat di sekitar kawasan tersebut baik dimasa jangka pendek ataupun dimasa jangka panjang.

Bekalan Air Paip

Tuan Pengerusi, mengenai bekalan air paip pula mengikut seperti yang telah dirancang bagi bekalan air untuk Pekan Dalat, Oya dan Balingian serta tambahan bekalan air paip di Pekan Mukah mengikut setakat yang diketahui pada masa ini di pekan-pekan yang saya sebutkan itu sekarang sedang diselidiki bagi mendapat air dari hulu anak sungai kecil di kawasan yang berkenaan. Saya percaya penyelidikan itu telah dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan sekarang supaya bekalan air di tempat yang saya terangkan itu dapat disiapkan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini.

Jambatan

Mengikut keadaan sekarang, banyak terdapat jambatan yang menyeberangi sungai-sungai kecil di kawasan kampung-kampung di daerah Dalat dan Mukah yang di bawah pentadbiran Penguasa Majlis Tempatan telah lapuk yang harus diperbaiki atau diganti dengan jambatan baru bagi kepentingan rakyat di kawasan itu. Dengan keadaan yang sangat mendesak seperti yang saya terangkan ini, jikalau Majlis Tempatan tidak berdaya disebabkan kewangan yang terhad untuk memperbaiki atau untuk membuat jalan baru, jambatan baru dan sebagainya, saya minta pihak Kementerian ini seperti J.K.R. membuatnya oleh sebab rakyat jelata pada umumnya tidak mengira jambatan mana atau pihak mana yang bertanggungjawab di atas perkara seperti ini. Mereka hanyalah berkata Kerajaan yang bertanggungjawab. Saya minta Menteri yang berkenaan memberi pertimbangan dan peruntukan segera bagi kepentingan rakyat di luar-luar bandar.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya minta perhatian Kementerian ini atau pihak J.K.R. di Sarawak yang bertanggungjawab membuat jalan di antara Kuala Oya/Mukah beberapa tahun yang lepas tentang perkara tanah yang menjadi hak milik rakyat bersendirian yang ada surat list of state land yang dilalui oleh

jalan itu di atas tanah mereka supaya dibayar saguhati yang berpatutan. Perkara ini telah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan tempatan. Setakat yang saya difahamkan belum ada lagi apa-apa tindakan ataupun keputusan dibuat oleh pihak Kerajaan untuk membayar gantirugi kepada tanah rakyat yang dilalui oleh jalan yang saya sebut itu. Dan saya berharap di tahun hadapan peruntukan bagi membina jalan besar atau jalan kecil di kawasan kampung luar bandar di Negeri Sarawak ditambah lagi disebabkan negeri itu masih kekurangan perhubungan jalan-rama di semua daerah dan saya mengesyorkan juga iaitu lesen sebagai kontraktor yang tidak lebih daripada \$100,000 untuk membina rumah-rumah Kerajaan di Negeri Sarawak dan sebagainya haruslah ditambah lagi dan keutamaan peluang kepada rakyat bumiputra.

Saya adalah menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

3.33 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, suka saya bercakap ketika dalam membahaskan Kementerian Kerja Raya dan Tenaga di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan dalam P. 63, Pecahan-kepala 4—Memperbaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan. Dalam perkara jalan-jalan ini, Pecahan-kepala 6—Jalan-jalan Raya Baru, saya ingin menyatakan bahawa kedudukan sekarang pihak Kerajaan nampaknya pihak Kementerian Kerja Raya dan Tenaga lebih menitikberatkan tentang jalan-jalan baru yang besar-besar tetapi meninggalkan begitu sahaja kedudukan jalan-jalan baru yang kecil-kecil yang sekarang ini dikenal dengan nama Jalan-jalan Mukim dan yang mana sebahagiannya adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan yang terlampau sedikit di bawah beberapa peruntukan yang tidak memuaskan.

Saya ingin mengingatkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya jalan-jalan baru ini dimasukkan juga jalan-jalan yang dinamakan Jalan Negeri sekarang samada daripada jalan besar yang dibuat oleh Kerajaan Pusat untuk dimasukkan ke rancangan-rancangan pemuda, rancangan tanah pinggir, rancangan tanah terkawal dan sebagainya. Didapati sekarang ini hanya jalan-jalan seperti ini ditaruh

dengan tanah merah semata-mata sedangkan di sekeliling jalan itu adalah diduduki oleh orang-orang kampung dan telah dibuat bermacam-macam bangunan yang indah dan cantik.

Tuan Pengerusi, saya pernah mengemukakan hal ini di dalam Majlis Tindakan dan pihak Majlis Tindakan tidak dapat berbuat apa-apa, kerana pihak Pusat ataupun pihak Kementerian Kerja Raya dan Tenaga tidak mahu menjadikan jalan-jalan ini sebagai jalan yang dipertanggungjawabkan olehnya bahkan dibiarkan dengan keadaan begitu sahaja. Jadi sepatutnya peruntukan diberi dan diambil jalan-jalan ini untuk dijadikan jalan yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian ini sebab selalunya Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mempunyai wang yang cukup dan langsung tidak ada wang untuk diberi ataupun dibuat jalan melainkan diberi hanya sebanyak \$10,000 atau \$15,000 sahaja. Jadi ini tidak memadai. Oleh itu, keadaan orang-orang kampung sentiasa berada dengan keadaan jalan lumpur sedangkan kita berada di bandar ataupun bandar-bandar yang besar sedikit sekarang ini lepas sekali membaiki jalan kemudian dibaiki lagi, lepas dibaiki dibaiki lagi jalan. Ini, saya rasa tidak mencerminkan keadaan yang menasabah dengan sebab keadaan-keadaan orang kampung perlu kita layan juga.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh Pecahan-kepala Pemberian Bantuan kepada Perbandaran-perbandaran untuk membuat Jalan-jalanraya. Nampak yang dimaksudkan Majlis-majlis Bandaran ialah Majlis Bandaran yang tertentu sahaja iaitu Melaka, Kuala Lumpur, George Town dan sebagainya. Jadi tidak ada Majlis-majlis Bandaran yang kecil-kecil. Saya ingin memberi contoh seperti Majlis Bandaran di tempat saya di Dungun, peruntukan tidak ada. Saya ingin mengingatkan kepada Menteri yang berkenaan supaya diambil perhatian Majlis-majlis Tempatan kecil ini kerana mereka tidak kurang juga tanggungjawab-tanggungjawab untuk membina jalan-jalan yang baik. Bagi kawasan saya sendiri, di Dungun, Majlis Bandaran, ini dibesarkan meliputi beberapa batu di mana cukai pintu daripada penduduk-penduduk yang dahulunya berada di luar bandar sekarang dijadikan kawasan dalam bandar, cukai pintu dikenakan dengan kadar yang tertentu. Tetapi apakala membicarakan fasal untuk membaiki dan

mengindahkan kawasannya untuk membuat jalan, diisi minyak tar dan sebagainya, didapati tidak ada peruntukan kerana wang tidak cukup. Apakala diminta daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri kata wang tidak ada, diminta Kerajaan Pusat di bawah Jabatan Kerja Raya, katanya jalan-jalan ini masih tidak sesuai untuk dijadikan jalan yang ditanggungjawab oleh Jabatan Kerja Raya. Saya rasa ini tidak begitu kena. Sepatutnya apakala satu bandar dijadikan dalam kawasan Majlis Bandaran, haruslah tanggungjawab itu dipikul oleh pihak Kementerian sendiri dan peruntukan itu diberi dengan tidak ditahan-tahan lagi kerana orang yang membayar cukai pintu itu terpaksa mahu merasai nikmat pembayaran itu.

Tun Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyebut tentang kedudukan jalanraya, Pecahan-kepala 14—Jalan Raya Barat/Timur. Saya dapati jalan ini saya rasa tidak akan mencapai matlamat yang ditunjukkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan kerana perlaksanaannya ataupun kerjanya terlampau lambat sebab kadang-kadang terpaksa dua kali buat, sekali buat untuk mengikut satu arahan kemudahan dibuat sekali lagi, konon yang dahulu tak jadi. Jadi, oleh kerana terjadi begini disebabkan oleh engineer ataupun ahli-ahli yang menjalankan pekerjaan di sana kebanyakan bukan daripada orang Malaysia, jadi terpaksa mereka meraba-raba dan cuma mengikut peta, selain dripada itu minta tunjuk dari orang-orang yang lama bekerja dalam Jabatan Kerja Raya.

Tuan Pengerusi, hal ini haruslah Menteri yang berkenaan mengambil perhatian supaya wang kita tidak rugi dan kehendak kita akan lebih berjaya. Pernah terjadi dalam hal ini di mana perbalahan berlaku di antara pihak pegawai di situ dengan pihak pekerja-pekerja di mana pihak pekerja-pekerja yang membawa bulldozer dan sebagainya tidak begitu suka memecahkan bukit yang tidak sesuai mengikut pandangan mereka, tetapi pihak engineer mengatakan ini misti dibuat, kerana mengikut pandangannya kalau dibuat begini tidak akan boleh berjaya. Apakala dibuat hasilnya tidak ada, jadi betul pendapat bagi pihak orang di bawah yang tidak mempunyai kuasa, tetapi mereka terpaksa ikut apa yang diperintah oleh pihak pegawai yang berkenaan. Hal-hal ini, sepatutnya tidak patut berulang, kerana ini membanyakkan belanja dan menambah beban kepada kita dan kehendak kita untuk menajayakan jalan yang tersebut akan lebih lambat.

Selain daripada itu, Pecahan-kepala 17—Membaiki Jalan-jalan Negeri yang Rosak oleh Banjir. Saya ingin mengingatkan pihak Menteri yang berkenaan supaya peruntukan ini diberi seberapa segera, kerana saya dapati jalan-jalan yang rosak kerana banjir ini selalu lambat dibaiki atau memakan masa dua tiga bulan selepas banjir, sedangkan jalan yang rosak itu merbahaya khasnya kepada kenderaan-kenderaan kecil, motosikal, scooter dan sebagainya kadang-kadang jatuh dengan sebab lubang, dengan sebab rosak dan sebagainya. Perkara seperti ini tidak harus berlaku dan sepatutnya apakala selepas banjir sahaja dibaiki seberapa segera.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyebut berhubung dengan Bekalan Letrik Luar Bandar, di muka 191. Saya rasa perjalanan L.L.N. kurang memuaskan dari segi pemasangan letrik di tempat-tempat yang diluaskan penggunaannya. Saya ingin menyebut, misalnya di tempat saya di Dungun, pihak Kerajaan Negeri bersetuju untuk diluaskan pada satu tempat

Tuan Pengerusi: Masa sangat pendek. Saya benarkan dua minit lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, pada akhirnya, saya minta yang berkenaan dengan letrik ini disegerakan pemasangannya samada yang dekat dengan bandar ataupun yang di luar bandar.

3.44 ptg.

Tuan Buja bin Gumbilai (Tuaran): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian ini. Dalam pada itu saya suka bercakap sedikit mengenai keperluan-keperluan di Sabah khasnya di kawasan saya sendiri yang berkaitan dengan Kementerian ini.

Dalam masa negara kita menuju ke arah pembangunan ekonomi sekarang ini, Kerajaan telah dan sedang membuat berbagai-bagai rancangan termasuk rancangan memperluas dan mempelbagaikan hasil pertanian. Dalam melaksanakan dan menjayakan rancangan-rancangan ini perhubungan jalanraya adalah mustahak sekali.

Tuan Pengerusi, dalam muka surat 465, Pecahan-kepala 31—Jalan-jalan Raya Besar. Tahun ini Sabah mendapat peruntukan \$23 juta. Peruntukan yang banyak yang diberikan tiap-tiap tahun kepada Sabah adalah diharap-

kan akan mempercepatkan pembinaan jalan-jalan baru dan memperbaiki jalan-jalan yang perlu dibaiki. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah setengah-tengah pembinaan dan kerja-kerja membaiki jalan-jalan ini terlalu lambat untuk disiapkan. Dengan adanya peruntukan yang banyak tahun ini, saya harap kerja-kerja membuat dan membaiki jalanraya akan dipercepatkan, terutama kerja-kerja membaiki jalanraya antara Pekan Temperuli dengan Ranau, kerana jalan ini perlu untuk memudahkan pertama petani-petani dari Daerah Ranau membawa hasil pertanian mereka ke Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi, jambatan di Sungai Temperuli yang ada sekarang ini patutlah disegerakan diganti dengan yang baru, kerana jambatan ini adalah merbahaya kepada lalu-lintas. Jambatan ini selalu sahaja ditenggelami air yang menghalang lalu-lintas bila waktu banjir. Beberapa kemalangan termasuklah beberapa orang telah terkorban akibat kemalangan di jambatan ini.

Satu lagi perkara, ialah mengenai bangunan-bangunan yang diberi peruntukan atau bantuan dari Kerajaan Pusat yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya di Sabah, sebahagiannya bangunan-bangunan ini terlalu lambat hendak disiapkan. Saya tidaklah menyedari apakah sebabnya, maka selalu berlaku kejadian ini. Jikalau sekiranya sebab-sebabnya dari kelambatan pemberian peruntukan dari Kerajaan Pusat, maka saya harap dan merayu kepada pihak Kerajaan Pusat akan dapat menyegerakan peruntukan-peruntukan yang sudah diluluskan kepada Sabah supaya kelambatan ini dapat diatasi.

3.47 ptg.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Pengerusi, saya turut serta mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, Kepala P. 63 muka surat 465, Pecahan-kepala 24A—Pembinaan dan Pengambilan Tanah.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Jalan Raya Besar, Negeri Sarawak telah diperuntukkan \$12,570,000. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kementerian yang berkenaan, kerana memberi peruntukan yang sebanyak ini. Tuan Pengerusi, oleh kerana memandangkan keadaan harga barang-barang yang sedang naik

melambung tinggi hingga ke akhir tahun ini, maka saya berharap kepada pihak Kerajaan yang berkenaan sekiranya Kerajaan akan menggunakan tanah untuk dibuat bangunan atau jalanraya, maka hendaklah diambil perhatian mengikut keadaan zaman sekarang, janganlah harga tanah itu dinilai yang tidak memuaskan hati rakyat, khususnya bumiputra yang mana saya ketahui bahawa ada setengah daripada rakyat bumiputra yang di dalam kawasan saya tidak puashati oleh kerana nilai harga tanah ini tidak sama harganya. Jadi dengan kerana itu mereka telah merayu kepada Kerajaan Tempatan akan tetapi belum lagi mendapat pertimbangan. Nilai harga tanah yang berharga misalnya tanah itu tanah paya dengan harga \$6 ribu atau \$5 ribu seekar, tetapi ada sekeping tanah yang tanahnya kuning, tinggi tanahnya dan baik, tetapi harganya telah ditaksirkan lebih rendah lagi daripada harga tanah paya. Dengan hal yang demikian, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya harga itu diberi nilai yang boleh memuaskan hati rakyat khususnya bumiputra di kawasan saya.

Saya adalah menyokong perbelanjaan ini dengan sepenuhnya.

3.54 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat atas peruntukan bagi Kementerian saya bagi tahun 1974. Sebelum saya menjawab sedikit teguran-teguran ataupun memberikan buah fikiran saya terhadap cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, maka di sini saya mengambil sedikit masa untuk memberi tahu Dewan ini atas beberapa perkara yang saya fikir perlu untuk pengetahuan bersama dan sambil mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Peruntukan asas Kementerian saya di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$967,688,267 dan selepas daripada Kajian Semula Rancangan itu peruntukan itu telah ditambah lagi sebanyak \$180 juta menjadi \$1,148,377,672. Secara kasar ternyata bertambah banyaknya projek yang dijalankan

oleh Kementerian saya termasuk aktiviti-aktiviti penyediaan infrastruktur di negara ini serta kerja-kerja penyelenggaraan yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun mengetahui menerusi Kertas Perintah 32/1973 bahawa projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Kementerian saya pada tahun ini baik dalam bentuk jalanraya, jambatan, bangunan, quarry serta rancangan bekalan elektrik luarbandar. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ketahui bahawa JKR pada masa ini menghadapi kekurangan jurutera untuk melaksanakan tugas-tugas yang telah dibebankan kepada Kementerian saya. Sebagai langkah untuk mengatasi hal ini, Kementerian saya telah berjaya mengambilibil 41 orang jurutera konterek dari luar negeri serta 15 orang jurutera tempatan dengan secara konterek juga. Usaha-usaha yang lain sedang dijalankan untuk mengambil jurutera-jurutera dari Thailand, Philipina, Korea, Bangladesh dan Pakistan. Pada masa ini Kementerian saya masih mempunyai 68 kekosongan berbanding dengan 106 kekosongan pada awal tahun 1973 yang lalu. Saya percaya dengan langkah-langkah yang sedang dijalankan sekarang, kekosongan yang ada itu akan dapat dikurangkan lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka juga menyebutkan bahawa Kementerian saya pada masa ini sedang membina beberapa buah pejabat Kerajaan di Jalan Duta. Di antara bangunan yang akan siap ialah Bangunan Peperiksaan, Kementerian Pelajaran setinggi 10 tingkat dan dijangka siap pada bulan April, 1974. Bangunan-bangunan lain yang dijangka siap di antara akhir tahun 1975 dengan awal tahun 1976 ialah bangunan Kementerian Pelajaran, bangunan Jabatan Hasil Dalam Negeri, bangunan Perbendaharaan, bangunan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan bangunan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Kastam. Kesemua bangunan-bangunan itu dianggarkan berharga kira-kira \$7 juta pada tiap-tiap satu yang tingginya 17 tingkat. Oleh kerana kita menghadapi kekurangan bahan-bahan binaan sedikit masa yang lalu dan begitu juga masih kita alami pada masa ini, kemajuan pembinaan bangunan-bangunan itu juga turut terlibat sama, tetapi walaupun bagaimanapun saya harap keadaan bekalan bahan-bahan binaan itu tidak akan berulang lagi di masa yang akan datang.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada masa ini kita menyewa kira-kira 649,871 kaki persegi bangunan-bangunan swasta untuk menempatkan Pejabat-pejabat Kerajaan yang mana akibatnya kita terpaksa membayar kira-kira lebih kurang \$6 juta pada tiap tahun. Memandang kepada banyaknya jumlah wang yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan terhadap sewaan tersebut, tindakan-tindakan sedang diambil untuk mendirikan Pejabat-pejabat Kerajaan di bandar-bandar besar di seluruh negara.

Berhubung dengan kegiatan LLN pula, di samping memberi bekalan ke luarbandar, Lembaga tersebut telah merancangkan beberapa projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini. Di antara yang penting ialah tambahan pertama kepada Stesyen Jana Letrik Prai yang mana apabila siap akan mempunyai keupayaan sebanyak 90 megawatt. Stesyen-stesyen lain yang akan dibina ialah Stesyen Jana Letrik Tuanku Jaafar, Peringkat Kedua, Stesyen Jana Letrik Tuanku Jaafar, Peringkat Ketiga dan Stesyen Jana Letrik Sultan Ismail tambahan terakhir. Disamping itu pihak LLN telah merancangkan projek Temenggor di Perak yang dijangka pembinaannya akan siap dalam tahun 1977. Penyiasatan kemungkinan rancangan projek Tembeling pula telah dijalankan pada pertengahan tahun 1973 yang lalu. Sekiranya projek ini wajar, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada tahun 1976 dan dijangka siap pada penghujung tahun 1979 nanti.

Tuan Pengerusi, sekarang eloklah saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mana yang saya fikir perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu menyatakan peruntukan sebanyak \$21,520,000 untuk pembinaan jalanraya besar untuk Sarawak itu adalah sangat kecil. Ahli Yang Berhormat itu menggesa supaya peruntukan diadakan lebih banyak lagi dan begitu juga ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah membuat cadangan yang serupa itu. Peruntukan ini telah pun dipertimbangkan dengan teliti dan memandang kepada keutamaan yang diberi dan juga kebolehan JKR Sarawak pada waktu ini, maka peruntukan ini adalah dianggap memadai bagi tahun 1974.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu juga telah membangkitkan perkara berkenaan dengan tawaran-tawaran yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu di Sarawak.

Tuan Pengerusi, tawaran-tawaran untuk kerja-kerja kontrak ini adalah diputuskan oleh satu Jawatankuasa Tender sebagaimana juga diadakan di Semenanjung Malaysia ini. Oleh yang demikian, pemilihan yang telah dibuat adalah adil dan saya percaya tidak ada kekurangan berlaku dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar mencadangkan supaya kita membina satu jalan daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, dan Ahli Yang Berhormat itu nampaknya tidak bersetuju dengan cadangan kita hanya membaiki jalan yang ada sekarang. Sebenarnya pada waktu itu Kementerian saya sedang menjalankan tindakan untuk membaiki jalan Route I dan diantara kerja-kerja yang akan dilancarkan ialah memperbaiki pembinaan jalan baharu dimana difikirkan perlu terutama sekali daripada Kuala Lumpur-Seremban, Kuala Lumpur-Tanjung Malim, Ipoh-Cangkat Jering dan beberapa kerja disekitar Butterworth. Masaalah kesesakan lalu-lintas dari satu masa ke satu masa tindakan yang sesuai akan diambil berikutnya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah menuduh yang engineers kita meninggalkan JKR kerana mereka tidak diberi layanan yang patut ataupun diberi kenaikan mengikut merit. Sebenarnya, saya tidak sedar kerana kenaikan pangkat telah dijalankan menurut aturan-aturan yang tertentu. Dan untuk makluman Dewan ini sebenarnya engineers yang telah meninggalkan JKR ataupun berhenti daripada JKR adalah termasuk juga orang-orang yang telah kita beri kenaikan pangkat. Ini bukanlah bererti kerana mereka itu tidak dinaikkan pangkat dengan sebab itu mereka berhenti. Yang sebenarnya, kebanyakan daripada mereka yang berhenti itu adalah disebabkan mereka mendapat peluang yang lebih baik dalam consultant firms. Jadi itulah sebabnya mereka berhenti daripada perkhidmatan kita. Walaupun begitu, kita juga ketahui bahawa consultant firms ini pun berpindah dari satu ke satu tempat bukan bererti mereka itu tetap kerja pada satu firm sahaja walaupun mereka sudah dapat kerja yang lain. Pendek kata mereka ini memang biasa berpindah daripada satu tempat ke satu tempat untuk mencari peluang yang lebih baik.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga telah menyatakan yang planning Lembaga Letrik Negara adalah tidak dibuat

dengan betul. Disini inginlah saya menerangkan bahawa setakat ini Lembaga Letrik Negara telahpun dapat memberi bekalan letrik kepada industri-industri yang memerlukan letrik, jika Lembaga Letrik Negara diberitahu dengan awalnya bahawa industri-industri itu terletak ditempat-tempat yang berdekatan dengan kawasan yang ada bekalan letrik. Untuk bekalan luar bandar pula satu rancangan bekalan letrik luar bandar yang dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara telah dan sedang menjalankannya. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada contoh yang menunjukkan bahawa Lembaga Letrik Negara tidak membuat rancangan dengan betul beliau patut menyebutkannya dan tidak patut membuat tuduhan secara am sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar juga telah menyebutkan berkenaan dengan pembaca-pembaca meter kepada bangunan-bangunan yang menggunakan air. Disini saya suka menyatakan bahawa Senior Meter Inspector telahpun dilantik di setengah-setengah Negeri termasuk Selangor untuk memeriksa pembaca-pembaca meter. Tambahan pula jurutera-jurutera juga menjalankan pemeriksaan mengejut, bila difikirkan perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah juga menyebutkan berkenaan dengan lambatnya pelaksanaan bekalan-bekalan letrik di luar bandar di kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Disini bagi makluman Dewan ini inginlah saya memberitahu bahawa perkara ini memanglah betul dalam setengah-tengah tempat kerana waktu ini kita menghadapi satu masaalah yang sungguh payah kita atasi iaitu pertama sekali kita kekurangan bekalan tiang-tiang letrik, tiang kayu kerana disebabkan pembinaan kita yang begitu pesat pada waktu ini, jadi tiang-tiang letrik ini terutama sekali yang dibuat daripada kayu adalah payah hendak didapati. Ini memanglah ada sedikit kelambatan, tetapi walau bagaimanapun Lembaga Letrik Negara sedang mencari jalan bagaimana mengatasi perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Besut juga telah menyebutkan berkenaan dengan Jambatan Besut. Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kenapa jambatan ini masih belum dibina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, inginlah saya memberitahu

yang pembinaan jambatan ini perlu mengambil masa sedikit untuk kita membuat reka bentuknya, jadi itulah sebabnya jambatan ini belum lagi kita buat sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun menyiapkan reka bentuk Jambatan Jerneh, jambatan yang baharu dan jambatan ini cukup tinggi untuk menghadapi banjir dan apabila siap perhubungan di antara Trengganu dan Kelantan maka tidak akan terputus bila tiba musim banjir. Tawaran pembinaan jambatan ini telahpun ditutup dan kerja-kerja pembinaannya akan dimulakan dalam sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Besut juga telah menyentuh berkenaan dengan bekalan air di Dungun dan Kemaman. Disini saya suka menyatakan bahawa dua treatment plant telahpun siap dan tiap-tiap satunya dapat mengeluarkan 1.5 juta gelen sehari. Bekalan air di Dungun dan Kemaman telahpun diberi kepada orangramai, kepada mereka yang memintanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan berkenaan dengan penyertaan bumiputra di dalam lapangan perdagangan, terutama sekali dalam lapangan kontrak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bagi menjamin supaya cita-cita yang telah ditentukan dalam Rancangan Malaysia Kedua akan tercapai sebuah Yunit Khas telahpun ditubuhkan untuk menyelenggarakan ataupun melaksanakan dasar ini dalam Kementerian saya. Disini inginlah saya memberitahu akan kejayaan kita bahawa sehingga setakat ini adalah memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah sahaja yang perlu saya jawab dalam perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan mana-mana yang saya belum jawab, saya akan mengambil perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$61,605,300 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$306,996,040 untuk kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

4.12 ptg.

Kepala B. 64 dan Kepala P. 64—

Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan perbelanjaan Kementerian Kemajuan Tanah di bawah Kepala-kepala:

B. 64	\$ 17,134,000
P. 64	227,017,490
Jumlah ...			<u>\$244,151,490</u>

Anggaran Belanja Mengurus

Peruntukan yang berjumlah \$17,134,000 di bawah Kepala B 64 adalah dibahagikan di bawah kegiatan Kementerian saya seperti berikut:

(i) Pentadbiran Am	...	\$ 450,400
(ii) Pejabat Ukur	...	15,080,140
(iii) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.	...	1,603,460

Dengan tertubuhnya Kementerian Kemajuan Tanah pada 1hb Januari, 1973, Kementerian saya telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab urusan pentadbiran tanah, ukuran tanah dan pembangunan tanah yang sedang berjalan dengan giatnya di Malaysia.

Kementerian saya berazam untuk melicin dan memperkemaskan lagi urusan-urusan pentadbiran tanah di seluruh negara. Kegiatan latihan bagi pegawai-pegawai tanah yang menjadi tulang belakang pentadbiran tanah akan diperhebatkan untuk meninggikan lagi mutu kecekapan mereka. Kursus dan seminar pentadbiran tanah akan terus-menerus diadakan dengan lebih kerap lagi dalam tahun 1974. Selain daripada itu, Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan telah menubuhkan satu pasukan bertugas untuk membantu dan menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mempercepatkan pengeluaran hak milik bagi tanah-tanah terutamanya di kampung-kampung baru.

Dalam bidang ukuran tanah, Jabatan Ukur telah terus-menerus memberi keutamaan kepada kerja-kerja menyukat di samping menjalankan penyeliaan pelan tata-atur bagi rancangan tanah dan urusan-urusan pemetaan negara. Dalam tahun 1974 Jabatan Ukur akan meneruskan usaha menyelesaikan pe-

metaan sempadan Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia yang sedang berjalan dengan licinnya pada masa ini. Satu alat komputer elektronik telahpun diadakan dan dengan adanya komputer ini hasil pekerjaan dapat dilipat-gandakan dan perbelanjaan pengurusan dapat dikurangkan.

Di bidang pembangunan tanah, sukacita saya nyatakan bahawa kejayaan yang dicapai oleh badan-badan berkanun seperti FELDA, FELCRA, dan agensi-agensi pembangunan tanah di negeri-negeri adalah memuaskan. Daripada mutlamat seluas 1 juta ekar tanah yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua lebih kurang seluas 600,000 ekar telah dimajukan sehingga sekarang. FELDA yang telah memulakan tanaman tebu sebagai tanaman utamanya dalam tahun ini akan menceburkan diri dalam satu tanaman baru pula iaitu koko dalam tahun 1974 ini. Ini membuktikan hasrat Kerajaan untuk mempelbagaikan pertanian bagi rancangan-rancangan kemajuan tanah.

Anggaran Pembangunan

Peruntukan sebanyak \$227,017,490 di bawah Kepala P. 64 akan dibelanjakan mengikut pecahan-kepala seperti berikut:

- (i) Pecahan-kepala 1 dan 4—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan—\$174,808,000.
- (ii) Pecahan-kepala 3—Rancangan Kemajuan Sg. Tong Trengganu—\$4,800,000.
- (iii) Pecahan-kepala 6 dan 8—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara—\$22,070,440.
- (iv) Pecahan-kepala 5—Rancangan Tanah Pinggir—diberi peruntukan tanda sebanyak \$10.
- (v) Pecahan-kepala 7—Ladang-ladang Awam—\$10,000,000.
- (vi) Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak—\$6,000,000.
- (vii) Pecahan-kepala 18—Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah—\$8,000,000.
- (viii) Pecahan-kepala 21-26; 31-35; 41-43—Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah—\$439,040.

Pecahan-kepala 1 dan 4—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Sejak tertubuhnya sehingga akhir tahun 1973 ini, FELDA telah membuka tanah seluas 532,450 ekar untuk pertanian, dan

38,003 ekar untuk perkampungan. Sejumlah 29,000 keluarga juga telah ditempatkan dalam kawasan-kawasan perkampungan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan-jalan, bekalan air, klinik, sekolah, balai raya, balai polis, wakil pos dan lain-lainnya. 29,000 keluarga ini melibatkan lebih kurang 192,000 manusia. Luas kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit ialah 307,573 ekar, di mana seluas 157,875 ekar telah mengeluarkan hasil. D daripada jumlah 219,723 ekar yang ditanam dengan getah seluas 94,822 ekar telahpun ditoreh. Kawasan yang ditanam dengan tebu pula adalah berjumlah 5,154 ekar dan daripada ini seluas lebih kurang 1,100 ekar telah mula mengeluarkan hasil. Adalah dianggarkan bahawa hasil-hasil kelapa sawit, getah dan tebu dalam tahun 1973 ini akan berjumlah beratnya sebanyak 227,700 tan.

FELDA sebagai satu agensi ialah satu daripada agensi-agensi yang telah membuktikan kebolehnya dapat memajukan kerja lebih daripada mutlumat asal yang ditugaskan. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, FELDA telah membuka tanah lebih daripada yang telah dijadualkan. Setakat ini kemajuan yang telah dicapai menunjukkan bahawa FELDA akan juga melebihi mutlumat yang telah ditugaskan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Mutlumat pembukaan tanah FELDA di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah 55,000 ekar setahun atau 275,000 ekar untuk keseluruhannya lima tahun. Mutlumat ini kemudiannya telah dinaikkan kepada 300,000 ekar. FELDA telah diberi tugas yang lebih besar lagi, untuk melaksanakan rancangan tanah di dalam dua rancangan serantau iaitu di Pahang Tenggara dan di Johor Tenggara. Dengan peranan yang bertambah di kedua-dua rancangan serantau ini, mutlumat FELDA di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah diubah menjadi 403,510 ekar. Pada akhir tahun 1973, FELDA telah memajukan 224,030 ekar, atau 81.5% daripada mutlumat asal Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1974 FELDA akan membuka 85,580 ekar tanah lagi untuk ditanam dengan kelapa sawit, getah, tebu dan koko. Ini bermakna luas kawasan yang dimajukan oleh FELDA dalam masa 4 tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua akan meningkat kepada 309,610 ekar, iaitu 12.6% melebihi daripada matlamat asal Rancangan Malaysia Kedua.

Untuk membolehkan FELDA meneruskan pelaksanaan kegiatan-kegiatannya dalam tahun 1974, Kerajaan telah mengadakan peruntukan berjumlah \$174,808,000 sebanyak \$37,659,000 daripada peruntukan ini akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan \$137,149,000 untuk kerja-kerja pembangunan.

Daripada peruntukan sebanyak \$174,808,000 ini maka sebanyak \$132,262,000 adalah peruntukan pinjaman yang akan dibayar kembali dan bakinya sebanyak \$42,546,000 adalah peruntukan perbelanjaan lengkap. D daripada jumlah lengkap ini, \$37,659,000 akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan FELDA dan bakinya sebanyak \$4,887,000 akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan.

Peruntukan pinjaman sebanyak \$133,917,000 akan digunakan untuk membiayai projek-projek berikut:

(a) *Pembukaan dan Pengawasan Rancangan*

Kawasan yang termasuk dalam tahun 1973 ialah 130,257 ekar. Pada akhir tahun 1973, kawasan yang telah ditanam adalah seperti berikut: Kelapa sawit (307,573 ekar), getah (219,723 ekar) dan tebu (5,154 ekar). Dalam tahun 1974, FELDA bercadang hendak memajukan 85,580 ekar lagi, untuk ditanam dengan kelapa sawit, getah, tebu dan koko. Tanaman koko ini adalah dibuat untuk pertama kalinya, sebagai rancangan perintis dalam satu kawasan 5,000 ekar.

(b) *Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peserta*

Seluas 5,000 ekar kawasan perkampungan akan dimajukan dalam tahun 1974 bagi menyediakan tapak-tapak perumahan peserta, pejabat, sekolah, klinik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

(c) *Pembinaan Rumah-rumah Peserta*

Dalam tahun 1974, \$9,232,000 adalah diperlukan bagi pembayaran akhir kepada pemborong-pemborong bagi 3,553 buah rumah yang telah siap dalam tahun 1973 dan 5,554 buah rumah lagi yang akan siap dalam tahun 1974 ini serta pemberian kontrek-kontrek baru untuk 6,000 buah rumah lagi dalam tahun 1974 yang dijangka akan siap

dalam tahun 1975. Bilangan peserta dianggarkan akan bertambah sebanyak 5,500 keluarga dalam tahun 1974 ini, menjadikan bilangan keluarga peserta yang akan ditempatkan dalam rancangan-rancangan FELDA berjumlah 34,500.

(d) *Pinjaman Sara Hidup Peserta*

Pinjaman ini akan diberi kepada peserta-peserta yang menduduki rancangan-rancangan yang belum mengeluarkan hasil.

(e) *Kemudahan-kemudahan Memproses*

Peruntukan berjumlah sebanyak \$24,439,000 adalah diperlukan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan kemudahan-kemudahan memproses dalam tahun 1974. FELDA akan mempunyai 11 kilang kelapa sawit pada penghujung tahun 1973. Kerja-kerja bagi pembinaan 4 buah kilang kelapa sawit yang baru akan dimulakan dalam tahun 1974 ini. Satu daripada kilang ini dijangka siap pada penghujung tahun dan 3 lagi akan siap dalam tahun 1975. Selain daripada itu kerja-kerja bagi memperbesar kemampuan (capacity) bagi 5 kilang akan dijalankan dalam tahun 1974 dan 3 daripada kerja-kerja ini akan dapat disiapkan sebelum penghujung tahun, manakala bagi 2 kilang lagi akan disiapkan dalam tahun 1975. Pembinaan "bulking installation" di Pelabuhan Pasir Gudang akan dibina pada tahun 1974 dan kerja-kerja bagi memperbesar installation di Pelabuhan Kelang akan dimulakan tidak lama lagi.

Jumlah peruntukan pinjaman sebanyak \$135,917,009 ini adalah \$30,917,000 lebih tinggi daripada peruntukan 1973. Ini adalah jelas menunjukkan peranan yang bertambah yang akan dipikul oleh FELDA.

Selain daripada itu, mulai daripada 1hb Januari, 1974, FELDA telah menubuhkan suatu perbadanan pemasaran untuk mengendalikan jualan hasil pengeluaran daripada rancangan-rancangan FELDA yang semakin hari semakin meningkat.

Ada satu perkara lagi berkenaan dengan FELDA yang begitu hangat baru-baru ini ialah berkenaan dengan apa yang dinamakan tuntutan daripada isteri-isteri FELDA tentang hak mereka dalam rancangan

FELDA. Ini ialah berhubung dengan soal atau masalah yang ditimbulkan daripada janda-janda FELDA kalau sekiranya peneroka-peneroka FELDA itu menceraikan isterinya atau berlaku perceraian.

Adalah diakui bahawa isteri-isteri peneroka FELDA telah memainkan peranan yang penting bagi menjayakan rancangan-rancangan FELDA di samping suami-suami mereka sehingga tanah-tanah rancangan itu mengeluarkan hasil. Mereka bukan sahaja menguruskan rumah tangga, menjaga makan minum suaminya, menjaga dan mendidik anak-anaknya, bahkan juga membantu suami mereka dalam pekerjaan di ladang. Selain daripada itu ramai isteri-isteri peneroka bekerja dengan FELDA atau pemborong-pemborong dan menanggung keluarganya sementara menunggu getah dan kelapa sawit mengeluarkan hasil.

Suatu hakikat yang penting yang perlu disadari ialah bahawa isteri seseorang peneroka itulah yang melayakkan peneroka-peneroka mendapat tempatnya dirancangan-rancangan FELDA oleh kerana rancangan-rancangan FELDA hanya dikhaskan kepada mereka yang mempunyai isteri sahaja.

Maka nyatalah tanah-tanah rancangan atau usaha-usaha dalam rancangan yang telah dijayakan oleh peserta-peserta FELDA adalah termasuk dalam pengertian "sepencarian" iaitu meliputi harga yang diusahakan bersama oleh seseorang peneroka dan isterinya sehingga ke peringkat penghasilan. Dengan itu tiap-tiap isteri peneroka adalah sama-sama berhak di atas harta yang tersebut.

Ini adalah berasaskan perinsip-perinsip keadilan yang berpandukan kepada Undang-undang dan Hukum-hukum U gama. Dengan demikian isteri-isteri peneroka yang telah diceraikan adalah berhak akan bahagiannya atas sumbangan, usaha dan pengorbanannya semasa menjayakan tanah-tanah rancangan FELDA dari mula sehingga ke peringkat penghasilan.

Perkara yang perlu di selesaikan oleh FELDA sekarang ialah tentang hak bekas-bekas isteri atas hasil atau pendapatan yang diperolehi oleh peneroka yang telah menceraikan isteri-isteri mereka. Ini kerana keadaan-keadaan tanah-tanah dalam FELDA sekarang ini belum lagi diberikan title kepada peneroka-peneroka kerana mereka belum selesai membayar hutang-hutang FELDA. Bagi

mengatasi masalah-masalah yang menimpa nasib bekas-bekas isteri peneroka yang malang itu, saya telah memutuskan bahawa FELDA mulai dari sekarang mengambil langkah-langkah supaya sebahagian daripada hasil atau pendapatan seseorang peneroka yang telah menceraikan isterinya hendaklah dibayar terus kepada bekas isterinya yang telah bersama-sama menjaga tanah rancangan sehingga tanah itu mengeluarkan hasil.

Bahagian hak bekas isteri itu adalah dikira berasaskan dasar yang tanah (lot atau saham) yang diusahakan bersama sehingga ke peringkat penghasilan adalah sebenarnya "harga sepercaraan" di mana isteri bersama-sama berhak di atas hasil atau pendapatan bersih dari tanah itu. Pendapatan-pendapatan bersih bermakna pendapatan seorang peserta setelah ditolak:

- (a) hutang serta faedah kepada FELDA;
- (b) apa-apa bayaran kepada Kerajaan Negeri;
- (c) bayaran penyelenggaraan;
- (d) bayaran upahan kerja atau nilai pawahan.

Sekarang soal timbul suatu perkara lagi iaitu apabila tanah-tanah dalam rancangan FELDA itu telah selesai dibayar hutang dan tanah itu akan diberikan hak milik samada dengan cara title atau dengan cara saham (share) atau sebagainya. Perkara ini akan timbul apabila sampai waktunya mungkin dalam 3 tahun yang akan datang.

Soal perlu atau tidak nama isteri peneroka dimasukkan sekali di dalam surat hakmilik tanah ataupun dalam share sedang mendapat kajian yang pesat oleh Kementerian saya dan Jabatan Peguam Negara. Walau bagaimanapun soal pemilikan bersama (joint ownership) ini sedang dikaji dengan serious oleh Kementerian saya dan Jabatan Peguam Negara. Perkara ini didapati amat kompleks dan rumit, mempunyai banyak implikasi yang mungkin melibatkan Undang-undang Awam, Hukum-hukum Adat, Hukum Syariah dan sementara itu keputusan-keputusan yang akan diambil dalam perkara ini tidak seharusnya bertentangan dengan objektif Kerajaan menjamin tanah-tanah itu daripada pengaruh fragmentasi.

Saya percaya satu jalan atau suatu cara yang sebaiknya akan tercapai bagi kita menyelesaikan masalah ini samada masih perlu diadakan pindaan atas Undang-undang Tanah

(Kawasan Penempatan Beramai-ramai) 1960 ataupun dengan mengadakan syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang baru yang memadai dibuat oleh FELDA sahaja bagi menjamin sebarang ketidakadilan yang mungkin terdapat kepada mana-mana gulungan yang tertentu di rancangan-rancangan FELDA tidak berlaku.

Saya ingin mengambil peluang menasihatkan semua keluarga peserta-peserta supaya terus hidup berumahtangga dengan rukun dan damai pada setiap masa. Sungguhpun perceraian itu satu perkara yang harus, tetapi ia adalah satu perbuatan yang sangat-sangat dibenci oleh Tuhan. Dengan itu, soal ini tidak seharusnya diperingankan oleh pihak suami ataupun isteri peneroka-peneroka demi kepentingan dan kebahagiaan serta nasib masa depan anak-anak mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 6 dan 8—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, saya juga menyatakan bahawa menurut Rancangan Malaysia Kedua FELCRA atau Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telahpun ditugaskan untuk membuka 116,000 ekar tanah yang terdiri dari Rancangan Pemulihan (16,000 ekar), Rancangan Pinggir (40,000 ekar) dan Rancangan Belia (60,000 ekar). Untuk mencapai matlamat ini, organisasi FELCRA telah diperbesarkan dan disusun semula pada tahun 1971.

Jumlah kelulusan tanah yang dibuka semenjak FELCRA ditubuhkan dari tahun 1967 hingga 1973 ialah 70,957 ekar yang terdiri dari rancangan pemulihan seluas 22,285 ekar, rancangan pinggir seluas 30,401 ekar dan rancangan belia seluas 18,201 ekar. Dari jumlah ini 52,643 ekar ditanam dengan getah, 16,844 ekar dengan kelapa sawit dan 1,470 ekar dengan padi. Jumlah peserta-peserta di semua rancangan ini ialah 8,373 orang. Sehingga tahun 1973, 15 buah rancangan pemulihan seluas 5,531 ekar telah mengeluarkan hasil yang mana 4,597 ekar adalah tanaman getah dan 934 ekar kelapa sawit.

Bagi tahun 1974 FELCRA bercadang akan membuka tanah seluas 16,272 ekar, iaitu 12,272 ekar untuk rancangan pemulihan dan pinggir dan 4,000 ekar bagi rancangan belia. Jenis tanaman yang akan diusahakan ialah getah dan kelapa sawit. Untuk membolehkan FELCRA meneruskan pelaksanaan kegiatan di tahun 1974, maka peruntukan yang diminta adalah sebanyak \$22,070,440 di mana

\$6,878,700 akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan \$15,191,740 untuk kerja-kerja pembangunan dan juga kerja-kerja pemeliharaan rancangan yang telah dibuka.

Pecahan-kepala 3—Rancangan Kemajuan Tanah Sg. Tong, Trengganu

Rancangan ini telah dimulakan pada tahun 1966 oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Trengganu dengan mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Projek ini meliputi kawasan seluas 25,000 ekar di mana 20,000 ekar adalah untuk kelapa sawit dan 5,000 ekar untuk getah. Sehingga tahun 1973, seluas 18,800 ekar telah ditanam dengan getah dan kelapa sawit. Bagi tahun 1974, pinjaman sebanyak \$4.8 juta telah diperuntukkan bagi tanaman kelapa sawit dan \$900,000 untuk tanaman getah.

Pecahan-kepala 5—Rancangan-rancangan Tanah Pinggir

Rancangan Tanah Pinggir dikelolakan oleh Kerajaan Negeri dengan cara mendapatkan pinjaman dan bantuan dari Kerajaan Pusat. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua, pinjaman sebanyak \$400,000 dan bantuan sebanyak \$350,000 telah diluluskan. Semajak rancangan tanah pinggir ini dimulakan dari tahun 1961, 446 rancangan yang meliputi keluasan 153,810 ekar telah dibuka, dan dari tahun 1961 sehingga 1970 perbelanjaan sebanyak \$35,000,300 telah dikeluarkan di mana \$24,905,345.50 adalah sebagai pinjaman dan \$10,094,954.50 sebagai pemberian terus.

Untuk memperbaiki keadaan rancangan tanah pinggir, Kementerian saya akan memberi latihan kepada penyelia-penyelia rancangan pinggir pada awal tahun 1974.

Pecahan-kepala 7—Ladang-ladang Awam

Dari mula Rancangan Malaysia Kedua sehingga sekarang 3 buah ladang awam telah dibuka iaitu di kawasan Bukit Besi, Trengganu (15,400 ekar); Laka Tomin, Kedah (5,500 ekar); dan Sungai Terah, Kelantan (11,550 ekar). Peruntukan sejumlah \$30 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan bagi tahun 1974, \$10 juta telah diperuntukkan untuk menjayakan projek-projek tersebut. Tujuan rancangan ini ialah untuk mengujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan dan juga menambahkan hasil Kerajaan Negeri.

Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak

Peruntukan sebanyak \$10 juta adalah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan jumlah sebanyak \$6 juta telah diperuntukkan bagi tahun 1974 untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan Lembaga.

Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah ditubuhkan pada awal 1972 dengan tujuan memajukan tanah dan menempatkan orang-orang luar bandar. Dengan penubuhannya Lembaga juga mengambil alih semua projek-projek tanah yang dahulunya diuruskan oleh Sarawak Development Finance Corporation. Pada akhir tahun 1972 seluas 20,232 ekar telah ditanam dengan getah (13,482 ekar) dan kelapa sawit (6,750 ekar). Lembaga telah menetapkan matlamatnya sebanyak 47,950 ekar untuk dimajukan dengan kelapa sawit. Kawasan ini akan meliputi kompleks Lambir Subia (32,950 ekar) dan kompleks Mukah Balingian (15,000 ekar). Tiada rancangan baru getah dirancang bagi tempoh akhir Rancangan Malaysia Kedua selain daripada di rancangan-rancangan Penempatan Semula Getah-Lada di Nanga Sekuau dan Durin dalam kawasan RASCOM.

Lembaga juga merancang untuk mengadakan 7 kilang memproses getah semasa tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Sekarang, Kilang Heveacrumb di Sungai Nyelong dan kilang RSS di Lambir sedang dalam operasi. Kilang di Triboh telah juga didirikan dan akan dijalankan kelak. Bagi tahun 1974 sebuah kilang Heveacrumb di Bintulu dan sebuah kilang RSS di Limbang akan didirikan.

Satu rancangan meliputi seluas 3,000 ekar akan dibuka untuk ternakan lembu pada awal tahun 1974.

Pecahan-kepala 18—Lembaga Kemajuan Tanah Sabah

Peruntukan sebanyak \$15 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan jumlah sebanyak \$8 juta telah diperuntukkan dalam tahun 1974 kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sabah.

Lembaga ini dijangka akan memajukan keluasan 56,000 ekar bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Dari tahun 1971 hingga akhir tahun 1973, 22,442 ekar telahpun dimajukan dengan tanaman seperti kelapa sawit (18,755 ekar), getah (389 ekar), kelapa

(1,598 ekar) dan koko (1,700). Rancangan-rancangan getah yang ada sekarang tidak akan diperluaskan lagi manakala rancangan-rancangan kelapa dan koko akan dimajukan sebagai tanaman kedua. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua juga Lembaga akan mendirikan 2 buah lagi kilang kelapa sawit di rancangan-rancangan Suan Lamba dan Silabukan. Kilang kecil di Klias yang ada sekarang akan diperbesarkan untuk memproses buah-buah kelapa sawit yang dikeluarkan pantai barat. Kilang-kilang rancangan Suan Lamba dan Silabukan sekarang berada di dalam peringkat pembinaan permulaan dan kilang-kilang ini dijangka akan siap dibina pada akhir tahun 1975. Selain daripada itu, Lembaga juga merancang hendak membina tangki-tangki penyimpanan minyak kelapa sawit di Kota Kinabalu dan Lahat Datu untuk menyimpan minyak-minyak yang dikeluarkan dari rancangan Klias di pantai barat dan rancangan Silabukan di pantai timur. Tangki-tangki di Lahat Datu di jangka akan dapat disiapkan selaras dengan pembinaan kilang rancangan di Silabukan.

Pecahan-kepala 21-26; 31-35; 41-43—Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah

Peruntukan sejumlah \$439,040 adalah di-untukkan bagi pecahan-kepala-kepala yang dinyatakan, di mana \$199,020 adalah untuk kegiatan ukur Semenanjung Malaysia. Tanda peruntukan sebanyak \$10 bagi ukur rupa bumi di Sarawak dan \$240,010 untuk kegiatan ukur di Sabah.

Projek Sukatan Air Pasang sebenarnya diadualkan di dalam tahun 1973, tetapi tidak terdapat kawasan-kawasan yang sesuai. Semua rancangan untuk kegunaan mesen foto sukat oleh JKR adalah hampir di selesaikan. Filem Processer Otomatik diadualkan dibeli dan dipasang di dalam tahun 1973 tetapi pembekalan dan pemasangan hanya boleh dibuat pada awal tahun 1974. Perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan ini adalah mustahak untuk memenuhi kehendak-kehendak yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar dan juga pembangunan bandar di negeri ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan di bawah Kepala B. 64 dan juga P. 64 dalam Anggaran Belanjawan ini diluluskan.

4.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, Malaysia is primarily an agricultural country and we are still rich in undeveloped land resources. According to one official estimate, there are still 30 million acres of land suitable for development in Malaysia.

We should make full use of our land resources to improve the lot of the poor. Unfortunately, the Alliance and National Front policy is not very different from the old colonial policy which uses land as an instrument to benefit the landed interests and the foreign and local monopoly capitalist class—while the mass of the poor are left destitute and landless.

The authorities concerned have no second thoughts about alienating hundreds and even thousands of acres of land to the monopoly capitalist group, but when it comes to giving a few acres of land each to the genuine landless, all sorts of reasons are found against it.

This is why in the rice bowls of Malaysia, Kedah, for instance, more and more Malay padi peasants become landless and indebted. In the same way, while the population of the country's 450 new villages have doubled in the last 20 years, the Government has hardly alienated any new land to keep pace with this population increase. In fact, the authorities concerned are still bogged down with the problem of giving titles to new villagers for land first occupied 20 years ago. This also explains why the Government, despite the M.I.C.'s participation in the Cabinet, has over the years refused to grant land to retrenched estate labourers to eke out a living for the rest of their lives.

In fact, the problem of landlessness has become more and more acute with the passage of years as the prestigious and expensive FELDA development schemes do not touch the surface of this problem. This in turn has forced the landless to become illegal squatters, creating a great socio-economic problem throughout the country.

The squatters are not criminals or crooks, but just Malaysians too poor to find any other ways of livelihood. As such, they

should be assisted by the Government to stand on their own feet economically, and not treated as criminals or anti-social elements to be prosecuted and persecuted.

The D.A.P. calls for a new national and state land policy, guided by the objective of creating "Masyarakat Adil" as laid down in the Rukunegara which uses our national resources to directly benefit the landless and poor and not as of now to enrich the foreign and local monopoly capitalists and landed interests.

It is in the light of this understanding of the socio-economic background to squatters and illegal cultivation that the authorities concerned should approach the question of illegal vegetable cultivation in the Cameron Highlands.

In the past few months, Government officers had acted ruthlessly against illegal clearing and occupation of land in the Cameron Highlands and the eviction of vegetable gardeners.

These actions were prompted by the National Electricity Board which had called for action against silting and erosion which would ultimately damage the hydro-electric scheme nearby. The N.E.B. is justifiably concerned with the continued serviceability of their massive hydro-electric complex in the Highlands. However, the N.E.B. view that silting and erosion are mainly caused by clearing of primary vegetation by these vegetable gardeners has been challenged by experts.

An expert who had studied the matter came to the conclusion that vegetable farming is only a minor factor in the total amount of man-induced erosion. Two much more important matters are government activities like road-cuts, government building sites and the others by private, non-agricultural individual activities such as site clearing for dwellings.

Of course, as far as the N.E.B. is concerned, they would like to forbid all man-made activities in the highlands but the livelihood of tens of thousands of people are affected and a just and considerate Government must take into account the socio-economic and human problems involved. To show the gravity of the socio-economic

problems involved, it has been estimated that illegally cleared vegetable cultivation amounted to some 500 acres in the Cameron Highlands.

Experts are of the view that it is possible for vegetable gardeners to take silting and erosion control measures. Such control measures, however, will only be taken by vegetable gardeners with some form of legal tenure. Illegal gardeners, anticipating the possibility of being forced from the land in the immediate future, spend little time in building retaining walls or artificially reinforced waterworks and other controlled measures.

The D.A.P. therefore calls on the Honourable Minister and the authorities concerned to halt the eviction exercise of illegal vegetable cultivation in Cameron Highlands and the formation of an expert committee with representatives from the universities in the fields of geography and erosion specialists to ascertain to what extent such illegal vegetable cultivation should be legalised without jeopardising the hydro-electric complex while at the same time looking after the socio-economic needs of legal and illegal vegetable gardeners.

Such a formula would be of contribution to the national economy, especially in the present campaign to get Malaysians to grow more foodstuffs to fight inflation. This is because the illegal farm areas has been estimated to constitute one-fourth to one-third of total farm land in the Highlands and yield at least one-fourth of the total vegetable supply in the Highlands. This works out to about 50 tons of vegetables per day, or 15,000 tons per year, valued at some \$7 to \$8 million.

Finally, Mr Chairman, for some time in December, the 2,600 employees of FELDA who are members of the FELDA Employees Union were forced to work-to-rule, as a result of failure on the part of the FELDA management to reply satisfactorily to the union's claims for normal working hours, higher overtime rates, improved salary structure, systematic staff transfers and proper disciplinary procedure. The FELDA employees had made great contributions to make the FELDA a showpiece of land development in the country although it hardly touches the surface of the entire landless problem and, therefore because of this, I would urge the Honourable

Minister and the FELDA Management to take a reasonable attitude and accede to the reasonable demands of the FELDA workers.

4.45 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, dalam memberi sokongan kepada peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah ini, saya ingin menyentuh dua tiga perkara.

Yang pertama sekali, saya suka menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi persetujuan untuk memberi pinjaman kepada Rancangan Kemajuan Sungai Tong, Trengganu sebanyak \$48,000,000 bagi rancangan kelapa sawit dan \$900,000 bagi getah. Sesungguhnya pinjaman yang dapat diberikan oleh Kerajaan Pusat ini merupakan satu nafas baru kepada rancangan ini bagi mencapai kejayaan seperti yang telah ditetapkan.

Yang kedua, saya mengalukan kenyataan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan satu ikhtiar yang sedang dirangka di Kementerian ini sekarang ini bagi memberi hak yang sama kepada janda-janda peserta di Rancangan FELDA. Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang saya khuatir kalau pengumuman ini tidak dapat dilihat kenyataannya di dalam masa yang singkat, kerana jikalau tidak silap ingatan saya kira-kira beberapa bulan yang lalu suatu pengumuman telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam Dewan ini untuk membuat suatu peraturan yang baru mengenai dengan sistem pembayaran balik bagi peserta-peserta FELDA di dalam rancangan getah, tetapi saya tunggu sehingga kepada hari ini, saya belum nampak apakah sistem baru mengenai dengan pembayaran mengenai dengan getah itu. Saya tidak tahu kalau pengumuman itu merupakan sebagai suatu harapan yang akan hanya tinggal harapan sahaja kepada peserta-peserta setiap kali diadakan persidangan seperti ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai dengan Jabatan Ukur. Memang sudah menjadi kenyataan kepada umum bahawa jabatan ini amat lambat sekali di dalam melaksanakan tugasnya. Itulah sebab banyak tanah-tanah yang dimiliki oleh rakyat dalam negeri ini belum

selesai tentang ukurannya dan itulah menjadi punca perbalahan kepada penduduk-penduduk di setengah-setengah tempat.

Perkara yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai dengan rancangan penyelesaian tanah yang dikatakan bantuan terus kepada Kerajaan Negeri. Saya dapati di dalam buku ini ditunjukkan di sini ada dua buah Kerajaan Negeri sahaja yang mendapat faedah daripada rancangan ini, iaitu Negeri Kelantan dan Negeri Perlis. Berdasarkan kepada kenyataan ini di dalam tahun 1972 sebanyak 11,000 bilangan surat milik dan lain-lain yang diberi kepada Negeri Kelantan, tahun 1973, 12,900 dan dianggarkan dalam tahun 1974 ini 14,000. Kemudian bagi Negeri Perlis tahun 1972, 6,500; tahun 1973, 7,500 dan bagi tahun 1974, 8,000. Apa yang saya maksudkan, Tuan Pengerusi, adakah dua buah negeri ini sahaja di dalam Malaysia ini yang mengalami masalah lambat mendapat suratmilik ini. Kalau dua buah negeri ini sahaja ataupun inilah dua buah negeri yang paling teruk di dalam Malaysia ini yang mengalami masalah ini, maka patutlah dua buah negeri ini diberi keutamaan. Tetapi apa yang saya dapat tahu masih ada negeri-negeri lain yang samada teruk atau tidak teruk itu saya harap mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan kenapa dua buah negeri ini menjadi pilihanraya lebih dahulu.

Saya juga ingin mendapat tahu di dalam penyelesaian yang dibuat bagi dua-dua buah negeri ini apakah masalah-masalah yang pernah ditempuhi oleh pegawai-pegawai dalam menjalankan kerja. Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya harap dapat penjelasan yang baik daripada Menteri yang berkenaan.

4.50 ptg.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berucap berkenaan dengan Kementerian saya. Saya sukalah menyatakan di sini perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka berkenaan dengan tindakan kerja mengikut masa yang diambil oleh Persatuan-persatuan Pekerja-pekerja FELDA. Sebenarnya pada masa

sekarang ini sudah tidak berbangkit lagi. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu sudah ketinggalan keretapi sedikit kerana perkara itu memang telah dihebohkan baru-baru ini tetapi sekarang telahpun diselesai. Perundingan dari hati ke hati dengan secara terus terang di antara pihak pegawai-pegawai tinggi FELDA dan pegawai-pegawai Persatuan Kakitangannya maka telahpun dapat diselesaikan sejak 10 hari-bulan Januari, 1974 lagi.

Saya rasa perkara itu tidaklah perlu campur tangan orang-orang politik kerana perkara ini ialah sedikit kekeliruan yang timbul di antara satu keluarga dan sekarang ini, alhamdulillah perkara itu telah dapat diselesai dan walau bagaimanapun, saya sentiasa memberi perhatian tentang kepentingan dan kebaikan bagi pekerja-pekerja FELDA itu. Sekarang ini pihak Kementerian saya sedang mengkaji dengan cermatnya supaya pekerja-pekerja FELDA dapat faedah lebih baik sesuai dengan kerja dan tugas mereka masing-masing.

Adapun berkenaan dengan memberi tanah beratus-ratus ribu ekar oleh kaum-kaum kapitalis dalam negeri ini, saya rasa tidak perlu saya memberi ulasan panjang kerana perkara itu telah berbangkit beberapa kali dalam soal-soal jawab dalam Parlimen ini. Demikian juga tentang ini ada kaitan juga dengan soal untuk mengadakan suatu sistem pembahagian tanah yang adil kepada rakyat sekalian. Saya percaya Ahli Yang Berhormat itu dapat memahami dengan sebenarnya agensi-agensi Kerajaan seperti FELCRA, FELDA terutamanya merupakan satu daripada cara untuk menyelesaikan masalah rakyat yang laparkan tanah, masalah wujudnya perintah haram di mana-mana satu hal tidak dapat dielakkan dan saya percaya pihak Kerajaan Negeri akan dapat mengatasi dengan sebaik-baiknya.

Ahli Yang Berhormat dari Besut khuatir tentang pengumuman hak isteri tidak dapat berjalan seperti apa yang dia tidak nampak apa yang berjalan tentang sistem baru berkenaan dengan bayaran balik itu. Saya rasa, kedua-dua perkara itu adalah berlainan. Tentang hak isteri ini berjalanlah kelakunya apabila berlaku perceraian antara suami dengan isterinya. Tetapi saya harapkan bahawa semua perceraian itu hendaknya janganlah berlaku dalam rancangan-

rancangan FELDA seperti itu. Mereka meninggalkan rumah tangga dahulu dipilih oleh FELDA kerana mereka bersuami isteri, mempunyai anak. Jadi janganlah oleh kerana mereka mendapat penghidupan yang baik hasil daripada getah mahal, kelapa sawit naik harga, mereka sudah mulai buat ona, cari tambah lagi kawan-kawan, isteri baru dan sebagainya menyebabkan isteri lama itu susah hati ataupun menimbulkan berbagai-bagai masalah sehingga berlaku perceraian. Jadi dengan sebab itulah dibuat peraturan begini dan peraturan begini tentulah pihak peneroka, sisuami merasa sakit sedikit, sebab mereka suami-suami tidak akan dapat menerima wang yang begitu banyak lagi kerana ditentukan untuk bayaran kepada isterinya. Dengan sebab itu, patutlah mereka beringat. Pelaksanaan tentang pengumuman tadi berlaku apabila berlaku perceraian. Tetapi diharap janganlah berlaku perceraian.

Adapun tentang sistem baru berkenaan dengan bayaran balik, saya telah menyatakan tadi bahawa pihak FELDA telah menyusun suatu peraturan baru dan hal-hal cara peraturan baru ini sedang dikaji oleh pihak Kerajaan sekarang ini. Pihak Kementerian sudah selesai, tetapi kajian di pihak atas lagi dan insya Allah kalau sekiranya dipersetujui oleh berbagai-bagai Jabatan yang tertentu, dapatlah kita laksanakan. Kelambatan Jabatan Ukur sebenarnya tidak juga soal kelambatan Jabatan Ukur yang menjadi sebab penyelesaian dari segi mengeluarkan hak milik tanah itu terlambat. Perkara ini adalah perkara teknikal sebenarnya, jadi ada kaitan antara Jabatan dengan Jabatan. Jabatan Ukur sendiri sedang berusaha seberapa sedaya upaya untuk mempercepatkan. Seperti yang saya telah terangkan pada masa-masa yang lalu dengan adanya alat-alat komputer sekarang ini, kerja-kerja untuk menyelesaikan pengeluaran hakmilik tanah dapat disegerakan, dapat ditambah lebih daripada masa-masa yang lalu. Kita harap dengan adanya beberapa perubahan lagi pada masa akan datang, dapat diselesaikan masalah soal-soal penyelesaian hakmilik itu.

Penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan penyelesaian tanah rancangan penyelesaian tanah Kelantan dan Perlis, sebenarnya rancangan

penyelesaian tanah Kelantan dan Perlis itu bukannya hendak menyelesaikan, memberikan hakmilik. Tanah itu tanah yang sudah dimiliki oleh rakyat. Tetapi ada beberapa kerumitan berlaku oleh kerana peraturan di zaman penjajah dahulu lagi, peraturan mempunyai title yang tidak jelas, dan ukur tanah yang tidak jelas hingga bertimbun-timbun kesnya sampai beberapa kali satu keluarga sudah mati, pesakanya berlapis-lapis maka perlulah dibuat satu rancangan penyelesaian tanah iaitu dengan jalan diberi kuasa sebagai Pemungut Hasil Tanah dan mereka akan pergi on the spot mengkaji, membicarakan kes tadi dan mendapatkan keputusan dan memberi penyelesaian, menyiapkan geran seterusnya bukan menyelesaikan permohonan tanah bagi mengeluarkan hakmilik tetapi menyelesaikan tanah hakmilik yang banyak kekosotan. Hal seperti ini, buat setakat ini, Kerajaan buat di Kelantan dan Perlis sahaja. Jikalau masalah seperti ini timbul di Negeri-negeri lain, kita akan cuba meluaskan rancangan itu ke negeri-negeri lain.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,134,000 untuk Kepala B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$227,017,490 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat Bersidang Semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Datuk Mohamed bin Rahmat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa telah menimbang Usul yang dedarkan kepadanya dan ber-setuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Anggaran Pembangunan, 1974, disetujui.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG STEM (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi mengubah setengah-setengah kadar Duti Stem yang kena dibayar di bawah undang-undang berhubung dengan Duti Stem di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan" dibaca kali keduanya.

Sebagaimana yang tersebut di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini, tujuan mengubah kadar duti stem atas bil-bil pertukaran penyerahan secara sekuriti atau bagi jualan mutlak akaun-akaun yang boleh diterima atau hutang-hutang dalam buku kepada sesuatu bank, bank saudagar atau syarikat meminjam di Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan bagi surat-surat janjihatang yang disempurnakan untuk sesuatu bank, bank saudagar atau syarikat meminjam di Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, ialah untuk menggalakkan kemajuan pasaran modal dan wang di Malaysia dengan cara menyenangkan penggunaan kertas perdagangan dan "factoring" sebagai sumber-sumber wang bagi syarikat-syarikat yang berkembang.

Perubahan-perubahan kepada kadar duti stem ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah cukai yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawannya pada 5hb Disember, 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 3)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.03 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali keduanya.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menambah relif pendapatan tenaga yang dibenarkan bagi seseorang suami berkenaan dengan pendapatan tenaga isterinya yang lebih daripada \$5,000 setahun dan untuk memperuntukan relif-relif berkenaan anak-anak yang hilangupaya yang berumur lebih daripada 16 tahun. Perubahan-perubahan ini adalah juga sebahagian daripada langkah-langkah cukai yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya pada 5hb Disember, 1973.

Selain daripada itu Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengekalkan "bilang sedunia" bagi caj terhadap cukai bagi perniagaan bank yang dijalankan oleh pemastautin-pemastautin. Pengekalan ini adalah sesuai memandangkan kepada jenis perniagaan ini yang memerlukan pemindahan wang kerap kali dan akan mengatasi kesulitan-kesulitan dan kesusahan-kesusahan pentadbiran yang akan berikutan jika "asas pendapatan yang diperolehi" bagi caj terhadap cukai dipakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.05 ptg.

Tuan Walter Leh Poh Khan (Setapak): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I support this Bill which has just been presented. However, I have three points to raise in respect of this Bill.

The first point relates to Clause 2, Section 47, sub-section (2) (a) and (b). I would say that these two sub-sections differentiate between a wife earning less than \$5,000 and above \$5,000 in respect of earned relief, which is most unfair. After all, a wife, whether she is earning \$5,000 or less, should be treated equally, particularly when the wife and her husband are in the lower income group. They should not be treated differently or unfairly. By right they should be given a higher relief instead of a lower relief. I would therefore urge the Honourable Minister to reconsider this and to allow earned relief for wives, irrespective of the amount earned, as in sub-section (2) (b) instead of dividing it into two categories, for wives earning less than \$5,000 and for those earning more than \$5,000.

The other question, Mr Speaker, Sir, is with regard to reliefs vide Clause 3, section 48, sub-section 2(a) (i), (ii) and (iii) which is in respect of relief for the children. In view of the high cost of living, I would again urge the Honourable Minister to reconsider increasing the relief for children because \$750.00 for the first child, \$500.00 for the second and third children and \$300.00 for the fourth and fifth children is rather too low. It should be increased because, as I said earlier the cost of living has gone up and such a small relief is insufficient to maintain a child. I would propose that it should be increased to \$1,000 for the first child, \$750.00 each for the second and third children and \$500.00 each for the fourth and fifth children.

My last point, Mr Speaker, Sir, is in respect of children falling under sub-section (1) (d) of section 48 where a relief of \$300 is given for each disabled child. I think a higher amount of relief should be given to such children. If a child is physically or mentally disabled, then he should be given a higher relief because the child will not be able to earn a living on his or her own: and as the child grows older, he has to depend a

lot on his or her parents and the relief of \$300 a year for a child who is physically and mentally disabled, is rather too low because it is a heavy burden on the parents to look after such a child. I therefore, suggest to the Honourable Deputy Minister to reconsider this. That is all I would like to say.

5.12 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak di atas pandangannya itu dan oleh kerana perkara ini telah beberapa kali ditimbulkan di dalam Dewan ini dan juga semasa belanjawan ini dibentangkan, saya rasa tidak ada apa-apa yang perlu ditambah di atas keterangan-keterangan yang telah diberi mengenai masalah-masalah yang sama yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Walau bagaimanapun sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya percaya segala pandangan-pandangannya itu telahpun ditinjau semasa undang-undang ini dibuat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI SPEKULASI TANAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi mengenakan, mentaksir dan memungut cukai

atas keuntungan modal yang didapati daripada spekulasi tanah dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkenaan dengannya dibaca bagi kali keduanya.

Di dalam Ucapan Belanjawan beliau pada 5hb Disember, 1973, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun menerangkan rangka bentuk serta peruntukan-peruntukan utama cukai spekulasi tanah ini. Dengan secara ringkas, cukai yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa pada 6hb Disember, 1973 dan akan dikenakan pada kadar 50% atas keuntungan yang terakru (accruing) atas pelupusan (disposal) aset-aset yang boleh dikenakan cukai jika balasan (consideration) bagi pelupusan itu ialah \$200,000 atau lebih dan pelupusan itu pula berlaku dalam tempoh 2 tahun selepas tarikh aset itu diperolehi. Aset-aset yang boleh dikenakan cukai ini ialah tanah dan bangunan-bangunan yang terletak di Malaysia dan termasuklah juga opsen-opsen, kepentingan-kepentingan dan lain-lain hak mengenai atau ke atas tanah dan bangunan-bangunan itu.

Cukai ini akan dibayar atas jumlah keuntungan setelah ditolak kerugian yang dialami dalam satu tahun taksiran. Cukai ini tidak akan dibayar atas keuntungan yang tertakluk kepada cukai pendapatan seperti keuntungan-keuntungan yang diperolehi oleh pembina-pembina perumahan yang tulin. Berkenaan dengan ini semua perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan tidak akan dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan keuntungan yang terkena cukai ini.

Rang Undang-undang ini juga mengkehendaki tiap-tiap satu pihak kepada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu menghantarkan pemberitahu yang mengandungi butir-butir penuh mengenai pelupusan itu kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk membolehkan ia membuat pengiraan cukai, jika ada, di atas pelupusan tersebut serta mengkehendaki pelupus (disposer) aset itu membayar cukai dan jika cukai itu tidak dibayar mengkehendaki pemeroleh (acquirer) aset itu membayarnya. Pemeroleh aset itu kemudian berhak mendapatkan kembali cukai yang telah dibayar olehnya daripada pelupus yang berkenaan.

Mengenai dividen yang dikeluarkan oleh syarikat yang bermastautin daripada keuntungan yang dikenakan cukai ini, syarikat

tersebut tidak akan diberi kredit terhadap cukai yang telah dibayar olehnya seperti Cukai Pendapatan Tambahan.

Lain-lain peruntukan pentadbiran mustahak yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini yang ada hubungannya dengan langkah-langkah untuk menyekat pelarian cukai serta menjaga daripada kehilangan hasil mungkin juga diberi perhatian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keuntungan atas pelupusan aset-aset terkena cukai akan dikecualikan daripada cukai jika jumlah atau nilai balasan bagi aset tersebut ialah kurang daripada \$200,000. Adalah disedari bahawa oleh kerana adanya had kepada jumlah atau nilai balasan bagi pelupusan aset-aset terkena cukai ini, maka seseorang itu boleh mengelak daripada membayar cukai dengan cara membahagi-bahagikan pelupusan aset-asetnya yang mana jika dilupuskan dalam satu pelupusan tidak akan dikecualikan daripada cukai. Oleh yang demikian peruntukan diadakan dalam Jadual 4 kepada Rang Undang-undang ini untuk mengenakan cukai atas keuntungan yang diperolehi daripada jualan aset terkena cukai bagi apa-apa balasan sekalipun jika aset yang dilupuskan itu ialah sebahagian daripada aset terkena cukai yang lebih besar serta mempunyai nilai pasaran sebanyak \$200,000 atau lebih pada masa jualan tersebut.

Cukai ini dikenakan atas semua orang samada ianya bermastautin di Malaysia ataupun tidak. Jika seseorang itu tidak berada dalam Malaysia, ianya akan ditaksirkan dan dikenakan cukai itu secara terus-menerus atau di atas nama wakil, faktor, ejen penerima atau pengurusnya di Malaysia.

Jika seseorang itu memperolehi atau melupuskan sesuatu aset itu dengan apa-apa cara yang lain daripada cara tawaran yang dibuat bebas daripada pengaruh, dan khususnya jika ia memperolehi atau melupuskannya dengan cara pemberian, maka perolehan atau pelupusan tersebut hendaklah disifatkan sebagai berlaku yang biasanya dianggapkan sama dengan nilai pasaran aset itu. Nilai pasaran bagi sesuatu aset yang diperolehi atau dilupuskan ialah harga yang diperolehi olehnya jika aset itu dijual dalam suatu transaksi antara orang-orang yang

tidak bersangkutan-paut dan bebas dari pengaruh dalam transaksi itu pada masa pelupusan itu dijalankan.

Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini pula membuat peruntukan iaitu keuntungan yang diperolehi oleh seseorang daripada pelupusan atas tempat kediaman persendirian dikecualikan daripada cukai ini. Pengecualian ini akan dihadkan kepada satu rumah kediaman sahaja dengan syarat pelupusan itu dilakukan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Di mana seseorang itu mempunyai lebih daripada satu tempat kediaman persendirian, ia boleh menamakan satu daripada tempat-tempat kediamannya bagi maksud-maksud pengecualian.

Di bawah Fasal 9 pula, keuntungan-keuntungan yang terakru kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah dikecualikan daripada cukai. Selain daripada itu, Fasal 26 membuat peruntukan bahawa cukai yang dibayar atau kena dibayar oleh seseorang itu boleh diremitkan, kesemuanya atau sebahagian daripadanya, atas alasan-alasan kemiskinan atau atas alasan-alasan kesusahan yang berlebihan atau atas alasan-alasan keadilan dan ekuiti. Peruntukan adalah juga dibuat di bawah Fasal 18 bagi seseorang yang terkilan (aggrieved) dengan sesuatu taksiran merayu kepada Pesuruhjaya Khas.

Cukai yang dicadangkan ini akan ditaksiran mengikut tahun taksiran yang pertama ialah tempoh mulai dari 6hb Disember, 1973 hingga 31hb Disember, 1974, dan kemudian daripada itu tahun taksiran ialah tahun kalendar.

Bahagian IV dan V dalam Rang Undang-undang ini masing-masingnya mengandungi peruntukan-peruntukan penyiasatan dan penalti dan peruntukan-peruntukan pentadbiran dan tambahan yang pada keseluruhannya adalah serupa dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.22 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*)
At the very outset, Mr Speaker, Sir, I would say that the object of this Bill intituled "The Land Speculation Act" is both appropriate and laudable in view of the unprecedented rate of land inflation in the country. In this connection, I would like to make some observations and would particularly like to refer to Clause 4 (1) in respect of the rate of tax, I quote:

"The tax shall be charged at the rate of fifty per cent on every complete dollar of the amount of chargeable gains on which the tax is assessed."

It needs to be analysed further. Sir, there are always transactions carried out through "under the counter dealings" which may not give rise to the imposition of such a tax of chargeable gains on disposal of chargeable assets by a person. For instance, Sir, the actual value of a particular piece of land is estimated around the region of \$250,000 but by means of mutual understanding, this same piece may only be estimated to be \$150,000 and the receipt may be written as only \$150,000. A sale is made without violating the stipulated conditions as there is no documentary evidence to impose a tax for the person has fulfilled the required conditions. Further, there is a gain in stamp duty as the person involved need not have to pay for it. Thus, there is a need to adopt proper measures to counter-attack such underhand dealings so as to have full realisation of the objects of this Act.

Talking on the Valuation Department, I am inclined to say that it is more dedicated to encouraging developers to make large sums of money than looking to the needs of buyers. I say this because the value estimated by the Valuation Department for a piece of land is rather too exorbitant a figure and such a tendency directly encourages the developer to raise above the actual market value of the land. The relevance of my remark can be seen in the following example. For example, there are about 10 acres of land and each acre is divided further into 9 lots each and the total cost is around \$40,000. The normal cost for each of such lots may only be \$4,000 but the Valuation Department puts it to \$6,000. The developer then is encouraged to raise the rate even to \$5,000 or even more, while the

buyer is still willing to pay such a price as he feels that it is not higher than the valued price by the Valuation Department. Thus, this sort of tendencies may directly influence developers to search for large profits and exploitation of the poor buyers. The Government should therefore institute certain measures in respect of any sale or sub-division of land to ascertain the exact value of the land and also bind the particular developers concerned to furnish all necessary returns to the Government within the stipulated time or period including details of buyers. With such "follow-up action" on both the developers and the buyers, certainly the principles of this Act may come to a reasonable realisation.

Secondly, the Government could to some extent overcome unnecessary speculation by encouraging and approving specified areas outside and nearest to Town, Municipal or even Local Council limits without too stringent conditions as parts of its attempts to enable people living in those areas to purchase cheaper lands and also to reduce tensions and land fever within town limits. Perhaps, such an approach may produce uncontrolled housing units but it should only be done wherever possible so as to reduce unnecessary speculation by other people. At present, all lands outside such limits as Local Councils or Towns are rather done illegally in the form of undivided shares and enabling speculators to earn exorbitant profits in the matter of a few hours. At the same time, I would strongly urge the Government to be on the look-out for certain influential Government officials who without due care or concern exhibit their prominence by informing members of public of certain lands to be acquired by the Government, which immediately influences the ordinary man in the street to sell his land to big-time speculators who make handsome profits by instilling fear that it is going to be acquired soon. In this connection, I would also like to caution the Government in its efforts to develop certain areas. Sir, the Government has been acquiring a lot of State land close to private lands. This influences other people to stay near such projects or schemes and speculators employ such situations unscrupulously to make large profits. In view of such a tendency, I would call upon the Government to pay better and reasonable compensation in its

bid to overcome such a tendency which, if allowed, is both unhealthy and disastrous to the welfare of the people and the economy.

Another aspect which the Government is in total disregard is in respect of loans given by the Loan Division to the Government officials or Government servants. I would say that the Government is rather hasty in allowing loans for purpose of housing to Government servants. Such a practice by the Government only reveals too clearly of its disregard to the actual type of houses and their value. It is only concerned more with the salary conditions and record of the Government servants and does not know the exact value of such houses. Therefore, the Loan Division should initiate proper measures by employing qualified building technicians to inspect from time to time of houses purchased under Government housing loans so that the loans given to the Government servants are used properly. Often, they are able to buy only small houses but get bigger loans.

Finally, the Government should institute a survey of non-citizens who own land and wishing to leave the country to prevent cashing in by would-be owners or house-owners. At times these foreigners often build housing units and make handsome profits before leaving the country for good. This is one area of great concern and the Government should take counter-action against such practices as it is detrimental to both the welfare of the people as well the economy at large. I stand to welcome this Bill, Mr Speaker, Sir.

5.30 ptg.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bruas di atas pandangannya mengenai Rang Undang-undang ini. Beberapa perkara telah disebutkan oleh beliau tadi, satu daripadanya mengenai masalah under-value, perkara ini memang ada di dalam Rang Undang-undang ini sendiri di bawah Seksyen 25. Mengenai masalah ini juga dari segi stem duti, sebenarnya Undang-undang Stem Duti ini juga akan kita pinda bagi memasukkan perkara ini supaya masalah pengeluaran daripada cukai ini dapat kita kawal. Masalah-masalah yang lain saya fikir kebanyakannya ialah perkara-perkara yang

ada hubungan dengan Kerajaan Negeri dan saya percaya masalah ini juga akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun saya menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah ini telahpun dibincangkan di dalam perbahasan-perbahasan Belanjawan saya rasa perkara ini telahpun jelas dan ahli-ahli pun telah menyatakan persetujuannya terhadap Rang Undang-undang yang penting ini yang bertujuan untuk menyekat masalah spekulasi tanah ini. Dengan itu saya ucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah diberikan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 58 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga 3—diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 4—

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan kepada Jadual 4 seperti mana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

Jadual 4—

Gantikan perenggan 3 dengan yang berikut—

“3. Keuntungan yang terakru kepada Kerajaan, sesuatu Kerajaan Negeri, sesuatu pihak berkuasa tempatan atau sesuatu badan berkanun atau lain-lain badan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.”

Schedule 4—

Substitute for paragraph 3 the following—

“3. A gain accruing to the Government, a State Government, a local authority or a statutory body or other bodies wholly financed by the Government.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual 4 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUKUR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pendaftaran Jurukur, 1967 dibaca bagi kali yang kedua.

Apabila Akta Pendaftaran Jurukur, 1967 dikuatkuasakan mulai daripada 1hb Disember, 1973 adalah didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat kepadanya untuk membolehkan Akta ini menjadi lebih berkesan. Mengikut seksyen 7 (1) (c) yang ada sekarang hanya seorang Jurukur Berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan bersendirian dan berhak mendakwa untuk mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi. Peruntukan itu tidak membenarkan sebuah pertubuhan perbadanan membuat demikian oleh kerana pertubuhan perbadanan tidak boleh menjadi seorang Jurukur Berdaftar. Oleh kerana telah ada beberapa pertubuhan perbadanan di negara ini yang menjalankan amalan Jurukur adalah didapati bahawa pindaan perlu dibuat. Pindaan yang dicadangkan melalui fasal 2 bertujuan untuk mengadakan suatu seksyen baru 7A dengan mana suatu pertubuhan perbadanan yang dibenarkan menjalankan amalan kerja mengukur dan mendakwa bagi mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi, jika ia telah mendapat kelulusan secara bertulis

dari Lembaga Jurukur bagi menjalankan amalan. Lembaga Jurukur adalah terikat untuk memberi kelulusan itu, jika Lembaga Pengarah Pertubuhan Perbadanan itu terdiri kesemuanya sekali daripada Jurukur-Jurukur Berdaftar dan syer-syer pertubuhan perbadanan itu dipegang kesemuanya sekali oleh Jurukur-jurukur Berdaftar. Sementara itu fasal 4 bertujuan meminda seksyen 25 supaya membolehkan eksekutif-eksekutif pertubuhan-pertubuhan perbadanan dikenakan tanggungan dalam hal-hal keadaan tertentu kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan.

Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 3 (a) bertujuan untuk meminda seksyen 15 (1) (g) Akta itu yang memberikuasa kepada Lembaga membatalkan pendaftaran seseorang Jurukur yang telah didapati bersalah atas perbuatan atau kelakuan yang keji atau aib yang berbangkit dari pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta itu atau kaedah-kaedah. Pindaan yang dicadangkan itu menggantikan peruntukan yang sedia ada dengan peruntukan lain dengan mana pembatalan boleh dibuat jika seseorang Jurukur melanggar mana-mana peruntukan Akta itu atau kaedah-kaedah walaupun pelanggaran itu mungkin tidak terjumlah kepada sesuatu perbuatan atau kelakuan yang keji atau aib. Sementara itu fasal 3(b) bertujuan untuk menambah satu lagi alasan bagi pembatalan, iaitu kemungkiran mematuhi mana-mana sekatan yang tertakluk kepadanya seseorang Jurukur berdaftar.

Dari pengalaman adalah didapati bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan dan firma-firma swasta perlu dari semasa kesemasa meminta jurukur-jurukur dari seberang laut datang ke negara ini untuk menasihati atau membantu dalam projek-projek yang sedang dijalankan. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka hanya berada di negara ini bagi satu tempoh yang singkat, tidaklah berfaedah mendaftarkan orang-orang itu. Oleh yang demikian, pindaan yang dicadangkan melalui fasal 5 bertujuan mengadakan satu seksyen baru 26A bagi memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Lembaga tertakluk kepada dasar Lembaga, membenarkan, bagi satu tempoh terhadap seseorang yang bukan seorang Jurukur berdaftar melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang ia sebaliknya dilarang, atau tidak berhak, melakukan di bawah Akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan setuju.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AKITEK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Akitek, 1967 dibacakan kali yang kedua.

Akta Akitek, 1967 telah dikuatkuasakan mulai dari 1hb Oktober 1973 dan telah didapati bahawa untuk membolehkan Akta itu menjadi lebih berkesan beberapa pindaan perlu dibuat.

Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 2 bertujuan melarang seseorang yang bukan seorang Akitek sebagaimana yang diiktirafkan dalam Akta itu menjalankan amalan atau perniagaan atau menyandang pekerjaan sebagai seorang Akitek. Seksyen 7 yang ada sekarang tidak berapa jelas maksudnya oleh kerana seksyen itu hanya bertujuan melarang seorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sebagai seorang Akitek jika aktiviti-aktiviti itu dijalankan dengan menggunakan nama, stail atau gelaran tertentu. Untuk mengawal lebih

ketat dan rapi kerja-kerja Akitek itu adalah penting bahawa seorang yang tidak berdaftar dilarang menjalankan aktiviti-aktiviti itu dan bukan sahaja jika mereka berbuat demikian dengan menggunakan nama atau gelaran "Akitek" atau sebarang gelaran yang boleh mengertikan beliau sebagai seorang Akitek berdaftar dan bertauliah.

Mengikut Seksyen 7 yang sedia ada, hanya seorang Akitek berdaftar boleh menjalankan amalan persendirian dan berhak mendakwa bagi mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi. Seksyen tersebut itu tidak membenarkan sebuah pertubuhan perbadanan membuat demikian. Oleh kerana itu Fasal 3 bertujuan mengadakan suatu seksyen baru 7A dengan mana suatu pertubuhan perbadanan akan dibenarkan mengamalkan kerja senibena dan mendakwa bagi mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi, jika pertubuhan perbadanan itu ada mempunyai kelulusan bertulis dari Lembaga Akitek untuk menjalankan amalan itu. Lembaga adalah terikat untuk memberi kelulusan itu jika lembaga pengarah pertubuhan perbadanan itu adalah dipegang kesemuanya sekali oleh akitek-akitek. Sementara itu Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 34 bagi membolehkan eksekutif-eksekutif pertubuhan perbadanan dikenakan tanggungan dalam hal-hal keadaan tertentu kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan perbadanan itu.

Fasal 4 dan 6 bertujuan menambah dua alasan lagi bagi membatalkan pendaftaran seseorang akitek atau seseorang akitek siswazah atau seseorang pelukis pelan bangunan berdaftar iaitu pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta itu atau kaedah-kaedah, dan kemungkinan mematuhi mana-mana sekatan yang tertakluk kepadanya didaftarkan.

Dari pengalaman adalah didapati bahawa swasta perlu dari semasa ke semasa meminta akitek-akitek dari seberang laut datang ke negeri ini untuk menasihati atau membantu dalam projek-projek yang sedang dijalankan. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka hanya berada di negara ini bagi satu tempoh yang singkat tidaklah berfaedah mendaftarkan mereka. Oleh yang demikian pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 8 bertujuan mengadakan satu seksyen baru 35A bagi memberi kuasa kepada Yang di-Pertua Lembaga, tertakluk

kepada dasar Lembaga, membenarkan, bagi suatu tempoh terhad, seseorang yang bukan seorang akitek melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang ia sebaliknya dilarang, atau tidak berhak, melakukan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.48 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bahawa suatu Akta Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 dibaca kali yang kedua.

Akta Pendaftaran Jurutera 1967 itu telah-pun dikuatkuasakan mulai daripada 23hb Ogos, 1972 dan telah didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat untuk membolehkan Akta itu dijalankan dengan lebih berkesan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta itu bagi sebab-sebab berikut:

- (a) Untuk menghapuskan larangan tentang penggunaan perkataan "Engineer" oleh orang-orang yang bukan Jurutera

Professional Berdaftar (Fasal 2 (a)). Ini akan bermakna hanya penggunaan perkataan "Professional Engineer" dan "Registered Engineer" adalah dilarang digunakan oleh orang-orang yang bukan Jurutera Professional Berdaftar.

- (b) Untuk melarangkan seseorang yang bukan seorang Jurutera Professional menjalankan amalan, menjalankan perniagaan atau menyandang pekerjaan sebagai seorang Jurutera, Seksyen 7 yang ada sekarang tidaklah berapa jelas maksudnya oleh kerana seksyen itu hanya bertujuan melarang seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sebagai seorang Jurutera jika aktiviti-aktiviti itu dijalankan dengan menggunakan nama, setail atau gelaran tertentu. Untuk mengawal dengan lebih ketat dan rapi kerja-kerja Jurutera itu adalah penting bahawa seseorang yang tidak berdaftar dilarang menjalankan aktiviti-aktiviti itu dan bukan sahaja jika mereka berbuat demikian dengan menggunakan nama atau gelaran "Professional Engineer", "Registered Engineer" atau sebarang gelaran yang boleh mengertikan beliau sebagai seorang Jurutera berdaftar dan bertauliah. Itulah tujuan Fasal 2 (b).
- (c) Untuk melarang, melalui Fasal 2 (c) orang-orang yang berdaftar, oleh kerana menjadi sebagai *bona fide* Engineer dari menjalankan amalan sebagai Jurutera dalam amalan persendirian pada bila-bila masa selepas 1hb Mac, 1974 jika pada tarikh itu mereka belum menjalankan amalan itu. Larangan itu tidak akan terlibat kepada mereka yang telah menjadi Ahli Pertubuhan Institusi Jurutera Malaysia atau yang telah diperakui oleh Lembaga sebagai memiliki kelulusan yang setaraf.
- (d) Untuk memperluaskan bidang seksyen-kecil (3) dan memperuntukkan perkecualian kepada larangan-larangan dan sekatan-sekatan tentang aktiviti-aktiviti, penggunaan nama dan hak pendakwaan oleh orang-orang yang bukan Jurutera Professional berdaftar. Di bawah seksyen-kecil (3) yang sedia ada, seorang yang memegang sesuatu perakuan di bawah Akta Letrik, 1949 dan Akta Kilang dan Jentera, 1967

adalah dibenarkan menjalankan amalan, perniagaan atau bekerja di atas apa-apa juga nama atau gelaran yang boleh digunakan menurut perakuan itu. Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 2 (d) itu akan memperluaskan katogeri orang-orang itu hingga meliputi mereka yang memegang perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah mana-mana Undang-undang bertulis atau yang memegang perakuan-perakuan vokesyenal yang dikeluarkan oleh mana-mana orang, badan, pihak berkuasa atau institusi yang ditentukan oleh Lembaga melalui Pemberitahu dalam *Warta*. Ia akan juga membolehkan orang-orang itu, bukan sahaja untuk menggunakan nama-nama tertentu, bahkan juga untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu dan mendakwa untuk mendapatkan bayaran yang diberi.

Mengikut Seksyen 7 (1) yang sedia ada hanya seorang Jurutera Professional berdaftar boleh menjalankan amalan persendirian dan mendakwa untuk mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi olehnya. Seksyen itu tidak membenarkan sebuah pertubuhan perbadanan membuat demikian. Oleh yang demikian fasal 3 bertujuan mengadakan satu seksyen baru 7A dengan mana suatu pertubuhan perbadanan akan dibenarkan menjalankan amalan sebagai Jurutera Perunding dan mendakwa untuk mendapatkan bayaran bagi perkhidmatan yang diberi jika ia ada mempunyai kelulusan bertulis dari Lembaga Jurutera untuk menjalankan amalan sedemikian. Lembaga adalah terikat untuk memberi kelulusan itu jika Lembaga Pengarah pertubuhan perbadanan itu terdiri kesemuanya sekali dari Jurutera Professional berdaftar dan syer-syer pertubuhan perbadanan itu dipegang kesemuanya sekali oleh Jurutera Professional berdaftar.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 8 yang berkenaan dengan hak mengemukakan pelan dan lukisan supaya termasuk hak untuk mengemukakan rancangan, cadangan, lapuran, rekabentuk dan kajian.

Mengikut perenggan (ii) seksyen-kecil 10 (2) yang ada sekarang, seseorang adalah berhak didaftarkan jika pada 23hb Ogos, 1972 ia seorang Ahli Perbadanan Institusi Jurutera (Malaysia) dan telah memohon

untuk berdaftar dalam masa 12 bulan daripada tarikh itu. Oleh kerana perenggan (ii) itu tidak lagi berkuasa oleh sebab masa telah luput adalah dicadangkan bahawa satu perenggan baru diadakan. Pindaan yang dicadangkan melalui Fasal 5 (a) bertujuan memperuntukkan bahawa seseorang itu berhak didaftarkan jika pada tarikh yang ditetapkan itu ia seorang Ahli Perbadanan Institusi Jurutera Malaysia atau telah memegang kelulusan yang setaraf. Masa untuk membuat permohonan tidak dihadkan.

Fasal 5 (c) bertujuan mengadakan satu perenggan baru (iv) yang akan memperuntukkan suatu lagi kategori orang-orang yang berhak didaftarkan iaitu mereka yang pada 23hb Ogos, 1972 telah mendapat satu kelulusan yang menghakkannya didaftarkan sebagai seorang Jurutera Siswazah dan selepas itu telah mendapat di luar Malaysia satu kelulusan professional yang setaraf dengan yang dikehendaki bagi ahli Perbadanan Institusi Jurutera Malaysia.

Fasal 6 (a) bertujuan untuk meminda Seksyen 15 (i) (g) Akta itu yang memberi kuasa kepada Lembaga untuk membatalkan pendaftaran seseorang Jurutera yang didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau kelakuan yang keji atau aib yang berbangkit dari pelanggaran peruntukan Akta itu atau kaedah-kaedah. Pindaan yang dicadangkan itu menggantikan peruntukan yang sedia ada dengan suatu peruntukan lain dengan mana pembatalan boleh dibuat jika seorang Jurutera melanggar mana-mana peruntukan Akta itu atau kaedah-kaedah walaupun pelanggaran itu mungkin tidak terjumlah kepada suatu perbuatan atau kelakuan yang keji atau aib. Sementara itu Fasal 6 (b) bertujuan untuk menambah satu lagi alasan bagi pembatalan, iaitu kemungkiran mematuhi mana-mana sekatan yang tertakluk kepadanya seseorang Jurutera didaftarkan.

Dari pengalaman adalah didapati bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan dan firma-firma swasta perlu dari semasa ke semasa meminta Jurutera-jurutera dari seberang laut datang ke negara ini untuk menasihati atau membantu projek-projek yang sedang dijalankan. Oleh kerana kebanyakan daripada mereka hanya berada di negeri ini bagi satu tempoh yang singkat tidaklah perlu mendaftarkan orang-orang itu. Oleh yang demikian pindaan yang telah dicadangkan melalui Fasal 8 bertujuan mengadakan satu seksyen baru 26 (A) bagi memberi kuasa

kepada Yang di-Pertua Lembaga tertakluk kepada dasar Lembaga, membenarkan, bagi satu tempoh yang terhad, seseorang yang bukan seorang Jurutera Berdaftar melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang ia sebaliknya dilarang atau tidak berhak, untuk melakukan di bawah Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.56 ptg.

Tuan Mehd. Tahir bin Haji Abdul Manan:
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan), 1967.

Akta asal ialah bertujuan supaya Kerajaan boleh melantik di Jabatan-jabatan Kerajaan jurutera-jurutera yang telah lulus daripada universiti-universiti dan juga daripada maktab-maktab yang ditentukan. Selepas pendaftaran yang dibuat, maka didapati ada beberapa Jabatan yang tidak berkehendakan tugas atau perkhidmatan jurutera-jurutera ini. Oleh sebab jurutera ini adalah bermacam-macam, daripada Civil Engineers, Chemical Engineers, Mining Engineers dan sebagainya, maka apabila seseorang jurutera itu balik ke Malaysia ini maka ada didapati perkhidmatan mereka itu tidak dikehendaki oleh kerana Jabatan yang berkenaan tidak ada kerja yang kosong. Di sini saya berharap apabila keadaan seperti ini berlaku maka hendaklah Kementerian yang berkenaan memberitahu dengan secepat mungkin samada mereka ini akan diletakkan di Jabatan Kerajaan, kalau tidak mereka ini boleh memohon pekerjaan di tempat yang lain. Di sini nampaknya cuma Jabatan Kerja Raya sahaja yang berkehendakkan engineer-engineer iaitu Civil Engineer, tetapi bagi pihak Jabatan-jabatan yang lain rasa saya engineer ini adalah berlebihan daripada kehendak Jabatan-jabatan itu.

Yang keduanya, saya suka menarik perhatian Kementerian iaitu berkenaan dengan pendaftaran jurutera-jurutera ini masih lagi didapati pihak Town Council, Municipality dan juga Town Board yang berkehendakan pendaftaran mereka itu sendiri bagi tiap-tiap engineer. Rasa saya ini adalah salah oleh kerana Akta ini telahpun dibuat

apabila jurutera itu telah mendaftar namanya kepada Lembaga Jurutera, maka tidak payah lagi Municipality, Town Board dan Town Council mendaftarkan engineer-engineer ini; ini telah berlaku, terutama sekali Municipality Ipoh telah mengatakan iaitu engineer di Ipoh sahaja yang boleh memasukkan pelan di Negeri Perak dan begitu juga di Town Council Klang berkehendakkan jurutera-jurutera yang telah didaftarkan di Lembaga Jurutera, apabila hendak masukkan pelan itu didaftarkan sekali lagi. Rasa saya ini sangatlah salah dan saya berharap kepada Kementerian, terutama sekali Kementerian Kerajaan Tempatan untuk memberi satu arahan kepada Municipality, Town Council dan Town Board, apabila jurutera itu telah didaftarkan di Lembaga Jurutera tidak payah lagi mereka itu mendaftarkan namanya. Saya rasa ini adalah sangat salah atas perbuatan mereka.

Yang ketiga, dalam Akta ini ada memberi keistimewaan kepada Jurutera-jurutera yang datang ke Negeri ini dengan masa yang singkat. Mereka ini bertugas untuk membuat kerja di beberapa tempat kerana mereka ini telah dilantik sebagai Jurutera Perunding. Ini adalah mendatangkan satu masalah oleh kerana mereka ini dilantik untuk bertugas dan membuat satu-satu kerja, tetapi apabila mereka ini ada di sini mereka itu mencuba untuk mendapatkan kerja lagi. Mereka ini kadang-kadang sepatutnya duduk selama tiga bulan telah menjadikan mereka ini duduk sampai satu tahun. Jadi, rasa saya satu cara mestilah dibuat oleh Lembaga Jurutera untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mengatasi kerana dengan secara ini saya nampak mereka ini tidak memberi peluang kepada jurutera-jurutera tempatan untuk membuat kerja kerana mereka ini cuma hendak mendapatkan kerja, memberi tugas-tugas itu kepada jurutera di luar negeri. Ini bersangkut atas perlantikan consulting engineers yang telah diberi oleh Kerajaan membuat beberapa projek di Malaysia ini.

Saya ada mengatakan di sini dahulu iaitu jika sekiranya Kerajaan hendak melantik consulting engineers daripada luar negeri maka mereka itu mestilah dengan sebaiknya melantik orang-orang yang ada di sini dan mereka ini boleh melantik consulting engineers di luar negeri, cara itu yang sebaiknya oleh kerana apa yang kita

telah dapat baru-baru ini Kerajaan telah meminta proposal dan sebagainya daripada beberapa consulting engineers. Dengan hal yang demikian, Kerajaan telahpun menetapkan siapa yang dilantiknya. Jadi terpaksa beberapa consulting engineers memasukkan proposal. Ada yang baik tak diterima, yang tak baik diterima. Ini adalah mendatangkan satu perasaan tak puashati bagi pihak engineer-engineer tempatan.

Saya berharap berkenaan dengan jurutera-jurutera di sini Kementerian akan mengambil perhatian iaitu pekerjaan akan diberi kepada consulting engineer mestilah diutamakan kepada consulting engineers tempatan dan bukan kepada consulting engineers yang di luar negeri.

Saya tahu iaitu separuh daripada projek-projek ini ialah dapat peruntukan daripada negeri yang tertentu samada Britain, Germany, France dan sebagainya iaitu mereka itu berkehendakkan consulting engineers mereka yang bertugas di sini. Tetapi, rasa saya tentulah dapat kita mencari satu jalan supaya pekerjaan itu diuruskan oleh engineer tempatan dan kemudian baharulah dilantik consulting engineers daripada luar negeri.

Setakat ini sahajalah yang dapat saya memberi pandangan berkenaan dengan Akta ini dan saya berharap kepada Kementerian supaya dapat memberi tindakan yang secepat mungkin, terutama sekali jurutera-jurutera yang baharu balik daripada luar negeri yang mana perkhidmatan mereka tidak akan digunakan ataupun tidak dilantik oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan dan jangan dibiarkan mereka itu menunggu sampai 3-4 bulan baharu diberitahu yang mengatakan perkhidmatan mereka tidak dikehendaki di Jabatan Talikom misalnya ataupun N.E.B. dan mereka bolehlah mencari kerja di tempat-tempat yang lain. kerana dalam 4 bulan itu tentulah mereka berasa susah dengan tidak ada pekerjaan dan mereka baharu balik daripada luar negeri yang telah memakan belanja yang begitu banyak untuk belajar dan tentulah mereka itu apabila sampai ke Malaysia ini hendak bekerja dengan secepat mungkin.

Setakat ini sahajalah dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah

dapat mengemukakan pindaan Akta Pendaftaran Jurutera ini kerana ini adalah mustahak bagi jurutera-jurutera.

Satu perkara yang saya lupa iaitu Kementerian mestilah mencari satu jalan untuk memberi nama jurutera-jurutera yang tidak diakui iaitu mereka yang telah lulus daripada universiti-universiti, maktab-maktab tauliahnya tidak diiktirafkan oleh Kerajaan kerana nama "engineer" ini mereka tak boleh pakai. Mereka ini mestilah diberi satu nama supaya dapat nama ini ditetapkan selama-lamanya sebagai Superintendent, sebagai Clerk of Works ataupun Engineering Assistant dan sebagainya kerana di dalam Akta Akitik tadi mereka yang boleh bekerja telah dipanggil Building Draftmen tetapi bagi engineer-engineer yang tidak diiktirafkan mereka itu sepatutnya diberi satu nama yang sesuai bagi mereka itu kerana nama "engineer" seperti saya katakan dahulu telah salah digunakan oleh swasta dan juga oleh beberapa khalayak. Mereka yang menjaga enjin pun dipanggil engineer, mereka yang menjaga pam pun dipanggil engineer, mereka yang menjaga dredge pun dipanggil engineer. Rasa saya tentulah ada satu huruf yang sepatutnya diberi kepada mereka yang tidak diakui sebagai engineer itu.

6.05 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Kapar adalah ex-engineer dan dia lebih pandai lagi, tetapi saya adalah ex-civil servant sahaja. Saya bercakap berkenaan dengan apa yang saya tahu berkenaan jurutera.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar menyatakan berkenaan dengan Jurutera Perunding dan Jurutera mengenai pendaftarannya. Saya hendak membawa sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan jurutera-jurutera kita di negeri ini iaitu jurutera-jurutera perunding. Jurutera Perunding ini dibahagi dua iaitu Jurutera Perunding daripada luar negeri dan Jurutera Perunding dari negeri kita ini, tetapi Jabatan-jabatan daripada J.K.R. terutama sekali, gemar sangat mengambil Jurutera Perunding daripada luar negeri oleh kerana difikirkan Jurutera Perunding daripada luar

negeri ini ataupun Consultant daripada luar negeri lebih pandai daripada Jurutera Perunding kita padahal Jurutera Perunding kita di negeri ini pergi belajar ke luar negeri dan tidak kurang pandainya daripada Jurutera Perunding daripada luar negeri.

Yang kedua, berkenaan dengan kerja-kerja, misalnya, membuat jalan daripada Kuala Lumpur ke Seremban itu tentulah banyak jambatan dan sebagainya. Jadi jurutera-jurutera daripada Korea misalnya, bolehkah kita anggap mereka pandai dan cekap dan bolehkah mereka ini bertanggungjawab membuat jambatan. Kalau roboh jambatan itu siapa akan bertanggungjawab oleh kerana mereka akan balik ke negerinya, kontraktor-kontraktor ini akan balik ke negerinya. Maka terpaksa barangkali kita buat jambatan lain ataupun nyawa akan terkorban sebagaimana kita menengok beratus-ratus orang mati di Sydney oleh kerana satu jambatan runtuh di Sydney baru-baru ini.

Dengan sebab itu, saya haraplah apabila memberi kontrak kepada bangsa asing, kita mesti menengokkan betul-betul iaitu mereka ini mempunyai jurutera-jurutera yang cekap betul-betul.

Berkenaan dengan jurutera-jurutera yang datang dari luar negeri bekerja di kilang-kilang kita, sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar tadi mereka itu semuanya dipanggil jurutera. Yang saya tahu jurutera daripada Taiwan, di sana mekanik pun dipanggil jurutera juga oleh kerana dia hendak bekerja di sini. Ada yang cuma masuk sekolah di Taiwan, sekolah mekanik, dipanggil engineer juga, begitu juga misalnya engineer daripada Jepun. Kalau dia kata Dai Gapo maknanya Universiti, tetapi kalau dia kata Koto Gako, Kogio Koto Gako maknanya sekolah menengah, sekolah menengah tinggi, itulah sekolahnya; ataupun Sammo Gako maknanya kolej, tidak sampai ke Universiti. Pengetahuannya lebih kurang, jadi semuanya engineer belaka oleh kerana kita tidak tahu maka kita ingatkan orang Jepun ini semuanya pandai belaka, semua engineer belaka.

Maka dengan sebab itu, saya berharap pihak Kementerian menengokkan perkara ini bukan sahaja Kementerian Yang Berhormat, tetapi juga Kementerian-kementerian lain menengokkan di atas perkara ini supaya

jurutera-jurutera kita seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kapar bahawa mereka yang lulus daripada luar negeri mendaftarkan namanya di Pejabat Buruh. Menteri Buruh ada di sini, dia boleh mengesahkannya. Menteri Buruh mengatakan kepada saya bahawa kita ada banyak enjinir-enjinir, tetapi tidak dapat kerja, kalau ada kerja di mana-man tolong carikan. Nampaknya engineer kita yang lulus daripada luar negeri yang bertauliah, yang lulus bukan daripada sekolah atau universiti yang tidak diiktiraf oleh negeri kita, tetapi universiti-universiti yang diiktirafkan daripada England, Canada, Australia, New Zealand tidak mempunyai pekerjaan. Misalnya, seorang engineer daripada New Zealand balik ke tanah air (seorang Malaysian) hendak bekerja di sini, tetapi tidak dapat kerja. Dia minta kerja, tetapi yang dapat kerja ialah orang bukan Malaysian. Kepandaiannya, kecekapannya barangkali lebih pandai daripada orang putih itu. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian Yang Berhormat menengokkan di atas perkara jurutera ini, kerana kita terpaksa memberi keutamaan orang Malaysian dahulu daripada orang lain.

6.10 ptg.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan di sini tidaklah saya hendak menjawab dengan panjang, tetapi mengenai satu perkara yang telah ditimbulkan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Mereka mengatakan orang-orang yang telah mendapat kelulusan daripada luar negeri balik ke negeri ini susah mendapat kerja di Jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun di mana pengalaman praktik boleh didapati di dalam negeri kita. Sebenarnya pada waktu ini, pada pandangan saya, ini tidaklah menjadi masalah kerana beberapa pejabat dan badan-badan berkanun telahpun kita tentukan untuk mendapat pengalaman praktik. Ini termasuklah Jabatan Kerja Raya, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Talikom, Jabatan Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Galian, Jabatan Kilang dan Jentera, Jabatan Hutan, Jabatan Penyiaran, Kementerian Pertahanan, Lembaga Letrik Sabah, Sarawak

Fisheries Supply Corporation, Institut Teknologi Kebangsaan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Pusat Piawai Malaysia. Jikalau perlu kita akan tambahkan badan-badan ini, kita akan fikirkan di belakang nanti.

Berkenaan dengan cadangan yang lain-lain itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian, di mana-mana perlu akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga diluluskan.

USUL

PENANGGUHAN

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, 21hb Januari, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.15 petang.